

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS
2024

HARI RABU : 27 NOVEMBER 2024

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 10 HINGGA NO. 41)**

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ISKANDAR DZULKARNAIN BIN
ABDUL KHALID [KUALA KANGSAR]**

TARIKH : 27 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATUK ISKANDAR DZULKARNAIN BIN ABDUL KHALID [KUALA KANGSAR] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP menyatakan:

- (a) impak Program Citarasa Malaysia dalam membangunkan produk usahawan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) tempatan di peringkat antarabangsa; dan
- (b) berapa pecahan bilangan usahawan Bumiputera yang menerima manfaat dari program tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Citarasa Malaysia merupakan salah satu inisiatif Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dalam membantu memasarkan dan mempromosikan produk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) amnya serta Barangan Buatan Malaysia khususnya untuk dikenali oleh pengguna dan seterusnya mendapat peluang untuk dipasarkan melalui rangkaian peruncitan di Malaysia serta di peringkat antarabangsa.

Pelaksanaan Program Citarasa Malaysia ini telah bermula dari tahun 2017 dan pada tahun 2024 pula pelaksanaannya turut memfokuskan kepada pengantarabangsaan usahawan tempatan.

Dari segi impak pula, bagi tahun 2024, sehingga Oktober 2024, program ini telah membuka laluan kepada 50 syarikat tempatan dengan 250 *Stock Keeping Unit* (SKU) untuk menembusi pasaran antarabangsa, termasuk negara Thailand, UAE, dan Jepun. Produk seperti makanan, minuman, dan penjagaan diri kini mendapat tempat di rak pasar raya terkenal seperti AEON, Lulu Hypermarket, dan ASEAN Mall. Selain itu, program ini juga memberi peluang kepada usahawan untuk mengadakan promosi dan ujian pasaran di lokasi strategik. Ini meningkatkan kebolehpasaran produk mereka sekaligus memperkukuh keyakinan jenama Malaysia di persada antarabangsa. Seterusnya melalui inisiatif "*Local to Global Retail*", usahawan mendapat akses kepada sesi latihan, padanan perniagaan, dan pameran. Ini membantu mereka bukan sahaja meningkatkan kualiti produk tetapi juga memahami kehendak pasaran antarabangsa.

NO SOALAN : 10

Daripada 50 syarikat yang terlibat, 18 adalah usahawan Bumiputera, yang membawa 36% daripada keseluruhan peserta program ini. Ini menunjukkan komitmen kerajaan dalam memastikan penyertaan aktif usahawan Bumiputera dalam pasaran global. Dalam hal ini, KPDN akan terus memperkukuhkan usaha ini dengan memberi lebih banyak peluang kepada usahawan Bumiputera untuk menyertai program seperti padanan perniagaan dengan pasar raya antarabangsa dan pelbagai sesi latihan berfokuskan pembangunan kapasiti.

Tuan Yang di-Pertua,

Program Citarasa Malaysia bukan sahaja berjaya membawa produk tempatan ke peringkat antarabangsa, tetapi juga menjadi bukti kejayaan dasar kerajaan dalam membangunkan ekosistem usahawan PMKS yang mampan. Kerajaan akan terus memberi penekanan kepada penyertaan usahawan Bumiputera dan memastikan mereka mampu menjadi pemain utama di arena global.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN RODIYAH BINTI SAPIEE
[BATANG SADONG]**

TARIKH : 27 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

PUAN RODIYAH BINTI SAPIEE [BATANG SADONG] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah bentuk bantuan khusus yang telah diberikan kepada golongan ibu tunggal di luar bandar bagi meningkatkan penyertaan mereka dalam aktiviti keusahawanan, serta berapa jumlah ibu tunggal dan bentuk bantuan yang telah diberikan untuk Parlimen Batang Sadong dari tahun 2021 sehingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sentiasa komited dalam usaha pemerksaan ibu tunggal. Kementerian memberikan fokus utama untuk merancang dan menyelaraskan program pemerksaan ibu tunggal yang berupaya memberikan nilai tambah kepada pembangunan kapasiti golongan tersebut.

2. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan oleh KPWKM adalah:

i) Program Wanita Dinamik@KPWKM

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Yayasan Kebajikan Negara Malaysia (YKN) telah memperkenalkan Program Wanita Dinamik@KPWKM sebagai penambahbaikan kepada program Wanita Bangkit@KPWKM – MyKasih Kapital. Pemberian insentif perniagaan secara *one-off* diberikan sebagai usaha permulaan untuk menjana pendapatan ekonomi keluarga dengan menceburi bidang perniagaan secara kecil-kecilan. Penambahan elemen baharu bagi tahun 2024 ini telah menggabungkan inisiatif memperkasakan wanita yang merangkumi elemen ekonomi, keselamatan dan kesihatan. Bermula tahun 2023 hingga bulan September 2024, seramai 12,403 orang wanita telah menerima manfaat daripada program ini.

ii) Program-program JPW di Sarawak

JPW telah melaksanakan sebanyak enam program bermula dari bulan Februari hingga bulan September 2024. Program-program ini ialah Skwad Waja dan Program Psikososial, Literasi Kewangan, Matahari dan IRIS yang melibatkan sebanyak 474 peserta. Program ini diadakan di Miri dan Kuching dengan penglibatan kumpulan sasar melibatkan wanita termasuk ibu tunggal yang diadakan secara fizikal.

iii) Program-program pembangunan kapasitas

Kementerian giat menganjurkan program pembangunan kapasitas seperti program advokasi penjaan pendapatan untuk meningkatkan bilangan penyertaan wanita dalam pasaran tenaga buruh serta dapat menjana pendapatan keluarga dan negara.

3. Bagi bulan Januari hingga bulan September 2024, sebanyak **575 program pembangunan kapasitas wanita yang telah dilaksanakan melibatkan 14,915 peserta** di 53 lokasi di seluruh negara untuk membantu wanita menaik taraf ekonomi mereka. Program penjaan pendapatan tersebut turut meliputi program penjaan pendapatan ibu tunggal, iaitu sebanyak empat program yang melibatkan 107 peserta di empat lokasi.

iv) Program KASIH Ibu Tunggal (PROKIT)

a) Program Pemerksaan Ibu Waja pernah dilaksanakan pada bulan Mac dan bulan April tahun 2021 sebanyak tiga siri sebagai program rintis yang melibatkan ibu tunggal. Program ini telah diolah semula pada tahun 2023 dan diteruskan pada tahun 2024 dengan meluaskan bidang fokus daripada modul kemahiran undang-undang kepada modul pengurusan kewangan dan modul pembangunan potensi ibu tunggal. Pemilihan peserta dibuat secara lebih bersasar dengan menekankan konsep bimbingan kelompok yang berterusan.

b) Berdasarkan laporan pelaksanaan program, 60 peratus peserta yang dibimbing melalui modul kemahiran perundangan telah mendapat bantuan guaman melalui Program Bantuan Guaman Syarie (BAGUS) yang dikelolakan oleh Persatuan Guaman Syarie Malaysia (PGSM), manakala 33 peratus peserta telah dibantu untuk mengemukakan sendiri tuntutan di mahkamah tanpa bantuan guaman.

c) Bagi modul pengurusan kewangan, 80 peratus peserta berpotensi untuk mengurangkan jumlah komitmen bulanan hingga

lima kali ganda berdasarkan konsultasi penstrukturan semula hutang manakala 20 peratus peserta telah dirujuk kepada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) bagi menjalani program pengurusan hutang. Bagi modul pembangunan potensi pula, 80 peratus peserta telah berjaya mengaplikasikan kaedah pembangunan potensi diri dan pengurusan pelan tindakan yang sesuai untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan.

4. Sementara itu, penemuan data Banci Penduduk dan Perumahan Tahun 2020 (Banci Malaysia 2020) oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) merekodkan sejumlah **341,784 ibu tunggal di Malaysia**, manakala **bagi Negeri Sarawak adalah seramai 27,443 ibu tunggal**. Untuk makluman, Banci Penduduk dan Perumahan yang seterusnya akan dilaksanakan pada tahun 2030 oleh DOSM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' ROSOL BIN WAHID
[HULU TERENGGANU]**

TARIKH : 27 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' ROSOL BIN WAHID [HULU TERENGGANU] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan punca ramai rakyat Malaysia lebih cenderung memilih untuk bercuti di negara jiran seperti Hatyai, Krabi dan Phuket di Thailand, berbanding melawat lokasi pelancongan dalam negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya melalui Tourism Malaysia telah membuat kajian khusus (*Malaysian Outbound and Domestic Travel Behavior*) bagi melihat kecenderungan rakyat Malaysia untuk melancong termasuk ke luar dan dalam negara yang dilaksanakan pada suku pertama 2024. Hasil dari dapatan kajian tersebut menunjukkan 5 faktor utama yang mempengaruhi ramai rakyat Malaysia cenderung memilih untuk bercuti ke negara jiran adalah seperti berikut:

1. Tarikan Destinasi (41.9%)
2. Bajet (25.5%)
3. Pengalaman dan Aktiviti (24.9%)
4. Tawaran Diskaun (5.7%)
5. Hebahan Mulut ke Mulut (4.2%)

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN [KLANG]

TARIKH : 27 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN [KLANG] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan adakah Kerajaan akan mengkaji semula piawaian pembangunan di kawasan bekas perlombongan dari segi kawalan kejuruteraan geoteknikal dan penyelenggaraan infrastruktur bawah tanah untuk mengelak pergerakan tanah dan tanah mendap.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Secara umumnya, kawasan bekas perlombongan adalah antara kawasan sensitif geologi yang mempunyai elemen kekangan geologi dan ancaman bahaya geologi. Kekangan geologi ini adalah disebabkan bahan tanah/batuan yang lemah dan berstruktur longgar hasil daripada aktiviti pengorekan dan peletupan perlombongan terdahulu. Hal ini boleh menyebabkan ancaman tanah jerlus dan tanah mendap terutamanya apabila kawasan ini dibangunkan semula.
2. Kementerian melalui Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) berperanan sebagai Agensi Teknikal Luaran (ATL) dalam memberikan ulasan cadangan pemajuan di Pusat Sehati Pihak Berkuasa Tempatan (OSC PBT) di semua kawasan pembangunan yang melibatkan kawasan sensitif geologi termasuklah pembangunan semula kawasan berpandukan Garis Panduan Ulasan Cadangan Pemajuan untuk OSC PBT (JMG.GP.08) Edisi 2.
3. Selain itu, JMG juga berperanan sebagai ahli jawatankuasa yang memberikan input geosains dan mineral terhadap cadangan pemajuan di kawasan bekas lombong yang tertakluk kepada Kajian Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA). Antara garis panduan yang digunapakai sebagai rujukan adalah Garis Panduan Pemetaan Geologi Kejuruteraan di Kawasan Tanah Gambut dan Tanah Lembut (GP.JMG.07) dan Garis Panduan Pemetaan Geologi Terrain (GP.JMG.06).
4. Justeru itu, garis panduan/piawaian yang menggariskan amalan terbaik pengurusan bencana geologi termasuk tanah jerlus dan tanah mendap sentiasa disemak dan dikemaskini dari semasa ke semasa bagi memastikan ia sentiasa relevan dan memenuhi keperluan semasa serta mendepani impak kesan perubahan iklim.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MUHAMMAD FAWWAZ BIN
MOHAMAD JAN
[PERMATANG PAUH]**

TARIKH : 27 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN MUHAMMAD FAWWAZ BIN MOHAMAD JAN [PERMATANG PAUH] Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha Kerajaan memperkasakan agensi-agensi agama khususnya bagi melaksanakan kajian dan penyelidikan dalam menangani ajaran sesat daripada terus tersebar dalam kalangan umat Islam.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM
BIN HAJI MOKHTAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kajian dan penyelidikan berkaitan ajaran sesat dilaksanakan di peringkat persekutuan dan negeri. **Di peringkat persekutuan**, penyelidikan berkaitan ajaran sesat diselaraskan oleh JAKIM dengan kerjasama agensi persekutuan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan lain-lain dari aspek menjalankan risikan, kajian, penyiasatan, pemantauan dan sebagainya. Seterusnya kajian hukum oleh panel yang terdiri daripada pakar dalam bidang akidah, fiqh, tasawuf dan sebagainya terhadap ajaran yang dilaporkan akan dilaksanakan. Kajian ini melibatkan pemeriksaan terhadap doktrin, amalan, dan pegangan ajaran tersebut untuk melihat sejauh mana ia bertentangan dengan prinsip asas Islam. Kajian juga dilakukan bagi memastikan penilaian yang dilakukan tepat dan selari dengan kehendak hukum syarak.
2. Setelah kajian menyeluruh dilakukan, hasilnya akan dibawa kepada mesyuarat Panel Pakar Akidah untuk mendapatkan pandangan dan syor sebelum diputuskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah MKI. Keputusan kemudiannya dibentangkan dalam Mesyuarat MKI sebelum disembah maklum dalam mesyuarat Raja-raja. Keputusan yang telah dipersetujui akan di panjangkan ke negeri-negeri untuk difatwa serta diwartakan.
3. Manakala **di peringkat negeri** penyelidikan berkaitan ajaran sesat akan dilaksanakan oleh Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan Jabatan Mufti Negeri-Negeri dengan kerjasama agensi-agensi lain di peringkat negeri. Manakala penyediaan kertas kajian hukum akan dilaksanakan oleh Jabatan Mufti Negeri-negeri dan akan dibentang dalam Jawatankuasa Fatwa/Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak di negeri masing-masing

untuk memutuskan sesuatu ajaran salah/sesat bagi tujuan pematwaan dan pewartaan.

4. Selepas fatwa dikeluarkan, pihak berkuasa agama di peringkat negeri akan memantau aktiviti sesuatu ajaran sesat. Tindakan penguatkuasaan seperti penangkapan, pendakwaan, serta penyitaan bahan ajaran sesat boleh dilakukan sekiranya terdapat individu atau kumpulan yang tidak mematuhi fatwa yang telah dikeluarkan. Contohnya kerajaan sebelum ini telah melaksanakan hebahan meluas pengisytiharan fatwa pada tahun 1994 dan 2006 yang jelas menunjukkan kesesatan pelaku dan pengamal tarekat Aurad Muhammadiyah termasuk melarang segala pengajaran dan amalan yang berkaitan dengan kumpulan al-Arqam dan Rufaqa' sekiranya masih diamalkan. Tindakan undang-undang kini juga diambil berdasarkan kesalahan-kesalahan lain yang terkait dengan isu al-Arqam dan Rufaqa' dengan kerjasama PDRM serta akta-akta lain yang bersesuaian.

5. Selain itu, agensi agama perlu lebih agresif menjalankan pemantauan berterusan terhadap pergerakan yang cuba berselindung di sebalik aktiviti ekonomi seperti GISB Holdings. Sdn. Bhd. (GISBH). Di samping, program pemulihan akidah dirangka dan disesuaikan dengan modul sedia ada daripada Bahagian-bahagian di JAKIM, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan MAIN/JAIN supaya pemulihan kepada pengikut-pengikut ajaran sesat ini dapat memberi kesedaran tuntas kepada pengikut untuk kembali meneruskan kehidupan berlandaskan syariat Islam.

6. Kerajaan akan terus memperkukuhkan agensi-agensi agama di peringkat persekutuan dan negeri dalam aspek penyelidikan terutamanya penyelidikan ajaran sesat atau penyelewengan aqidah melalui pemantapan organisasi dan pengukuhan kompetensi khusus kepada pegawai-pegawai yang melaksanakan penyelidikan. Antara bidang yang diberi penekanan kepada pegawai-pegawai adalah pemantapan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ), pengetahuan dan pemantapan Ilmu-Ilmu Tasawuf, kemahiran perbandingan agama, kefahaman aliran pemikiran dan firqah, pemantauan ajaran sesat dan penyelidikan ideologi semasa yang menggugat keselamatan negara. Pegawai-pegawai juga akan diberi kemahiran-kemahiran risikan, teknik pemantauan media siber dan seumpamanya.

7. Kerjasama agensi-agensi agama dengan rakan-rakan strategik dan agensi-agensi penguatkuasaan sedia ada seperti PDRM, MKN, KDN, SKMM dan lain-lain agensi akan terus diperkukuhkan dalam menjalankan risikan, kajian, penyiasatan, pemantauan dan sebagainya bagi memastikan ajaran sesat dapat dibendung daripada terus berkembang.

8. Kerjasama dengan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) juga dilaksanakan dalam bidang kajian hukum bagi mendapatkan pandangan yang lebih tepat dari sudut kepakaran keilmuan dalam bidang yang telah ditetapkan. Antara kajian yang pernah dilaksanakan iaitu Kajian Kefahaman dan Penerbitan Glosari Tasawuf dan Kajian Penyelewengan Dalam Tarekat Tasawuf Menurut Perspektif ASWJ bersama pihak USIM pada tahun 2024 dan juga Kajian Kefahaman dan Penghayatan Amalan Agama Dalam Global Ikhwan Services & Business Holding (GISBH) bersama Universiti Islam Selangor (UIS) juga pada tahun 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN
[BANDAR KUCHING]**

TARIKH : 27 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bagaimana Kerajaan memastikan bahawa semua pusat jagaan kanak-kanak dilengkapi dengan pekerja sosial dan kakitangan yang mencukupi, terlatih dan berkelayakan serta mengamalkan amalan dan sistem pengurusan yang terbaik untuk memastikan keselamatan, pembangunan perkembangan dan keperluan psikososial kanak-kanak yang dipelihara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat komited dan sentiasa memberi perhatian kepada aspek kebajikan dan keperluan penghuni di semua pusat jagaan yang berdaftar di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506].
2. Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan 1994 menetapkan peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi oleh pengendali pusat jagaan bagi memastikan semua pusat jagaan termasuk pusat jagaan kanak-kanak dilengkapi dengan bilangan penjaga dan kakitangan yang mencukupi, terlatih dan berkelayakan bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan penghuni.
3. Pengendali pusat jagaan termasuk pusat jagaan kanak-kanak dikehendaki untuk memastikan pusat jagaan dilengkapi dengan secukupnya dari segi penjaga dan kakitangan selain memastikan mana-mana orang yang diambil kerja di pusat jagaan itu merupakan orang yang layak dan sesuai seperti syarat yang ditetapkan di bawah subseksyen 7(c) Akta 506. Setakat ini, Akta 506 tidak menetapkan pusat jagaan untuk melantik seorang pekerja sosial sebagai kakitangan.
4. Dalam memastikan kanak-kanak di pusat jagaan kanak-kanak menerima jagaan yang baik, pengendali pusat jagaan kanak-kanak perlu memastikan bilangan penjaga bagi kanak-kanak adalah mencukupi seperti yang diperuntukkan di bawah peraturan 3(4) Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan 1994. Nisbah bilangan penjaga berbanding bilangan penghuni kanak-kanak adalah seorang penjaga bagi lima (5) kanak-kanak di bawah empat (4) tahun dan seorang penjaga bagi 18 orang kanak-kanak berusia empat (4) tahun hingga bawah 18 tahun.
5. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) merupakan Badan Peneraju Industri atau *Industry Lead Body* (ILB) bagi Sektor Penjagaan dan Perkhidmatan Komuniti sejak Ogos 2011. Di antara peranan yang dimainkan oleh JKM selaku ILB adalah membangunkan Standard Kemahiran dan Pekerjaan Kebangsaan atau *National Occupational Skills*

Standard (NOSS) dan mempromosikan Persijilan Kemahiran Malaysia kepada pemain industri di bawah Sektor Penjagaan dan Perkhidmatan Komuniti. Langkah ini dilaksanakan untuk meningkatkan penjagaan yang berkualiti dan memastikan aspek keselamatan, pembangunan perkembangan dan keperluan psikososial penghuni termasuk penghuni kanak-kanak terpelihara.

6. Sehingga 30 September 2024, pemegang Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) di bawah bidang penjagaan dan perkhidmatan komuniti adalah seramai 6,116 orang terdiri daripada penjaga/kakitangan di pusat jagaan, sukarelawan, pengasuh di TASKA, petugas Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK), pegawai dan kakitangan JKM termasuk pemain industri Sektor Penjagaan dan Perkhidmatan Komuniti yang lain.

7. Sementara itu, bermula tahun 2023, KPWKM telah menetapkan Industri Penjagaan sebagai salah satu fokus utama Kementerian. Hala tuju yang jelas berkaitan dengan pelaksanaan Industri Penjagaan di negara ini sedang dirangka. Dalam usaha melahirkan penjaga berkemahiran, penekanan terhadap aspek latihan kepada penjaga diberi perhatian khusus. KPWKM melalui Institut Sosial Malaysia (ISM) menawarkan latihan penjagaan asas kanak-kanak, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) iaitu Kursus Peningkatan Kemahiran Sebagai Penjaga (*Caregivers*). Dari Februari hingga September 2024, seramai 285 orang penjaga telah mengikuti kursus ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LDEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR BIN
MASDUKI [PARIT BUNTAR]**

TARIKH : 27 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR BIN MASDUKI [PARIT BUNTAR] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan strategi dan pendekatan menyeluruh Kementerian dalam menangani tekanan kos sara hidup yang terus meruncing dan kuasa beli pengguna terutama golongan B40 dan M40 yang terjejas akibat bebanan kos berantai daripada penyasaran subsidi bahan api.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sepertimana dimaklumi penyasaran subsidi diesel telahpun mengambil kira kos pengangkutan dan dalam hal ini Kerajaan juga telah memperkenalkan bantuan melalui BUDI MADANI, yang merangkumi bantuan BUDI MADANI Individu, BUDI MADANI Agri-Komoditi dan BUDI MySubsidi Diesel.

Berhubung dengan isu kos sara hidup pula, mengambilkira ia merentas bidang tugas pelbagai Kementerian dan agensi, maka KPND diberikan mandat untuk menyelaras perkara-perkara yang berkaitan dengannya melalui Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) yang merupakan platform utama Kerajaan dalam merangka dasar, hala tuju dan strategi yang memerlukan pendekatan *whole of nation*. Kerajaan juga komited untuk meningkatkan kuasa beli golongan M40 dan B40 yang menjadi perkara pokok dalam isu kos sara hidup dengan menaikkan lantai ataupun meningkatkan pendapatan individu dan isi rumah melalui penetapan dan pelaksanaan dasar yang menyeluruh.

Dalam hal ini, beberapa strategi jangka panjang dilaksanakan Kerajaan seperti memperkenalkan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA), Dasar Gaji Progresif bagi pemberian upah dan gaji yang adil, melaksanakan Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) serta semakan Perintah Gaji Minimum dari semasa ke semasa.

Selain itu, antara intervensi yang turut dilaksanakan oleh Kerajaan dalam membantu rakyat menangani beban kos sara hidup adalah melalui Program Jualan RAHMAH MADANI (PJRM), Program Jualan Agro Madani, Sumbangan Tunai Rahmah (STR), Sumbangan Asas Rahmah (SARA) serta Bantuan Awal Persekolahan (BAP dan lain-lain).

NO SOALAN : 16

Kerajaan melalui KPDN juga menumpukan kepada aktiviti penguatkuasaan dalam membendung peniaga yang tidak bertanggungjawab melalui pelaksanaan OPS KESAN dan tindakan serta merta boleh diambil sekiranya terdapat peniaga yang menaikkan harga pada kadar yang tidak munasabah. Pada masa yang sama, KPDN juga terus meningkatkan aktiviti penguatkuasaan dalam aspek mengekang gejala anti persaingan dalam pasaran melalui peruntukan di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712]. KPDN memandang serius elemen-elemen kartel dalam apa jua bentuk sama ada pakatan harga, pakatan pasaran, pakatan pengeluaran dan tipuan bida yang mempengaruhi harga barang dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH MAJILIS
[KOTA BELUD]**
TARIKH : **27 NOVEMBER 2024 (RABU)**

SOALAN

**PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH BINTI MAJILIS @ FAKHRUDY
[KOTA BELUD]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan daripada 972 program/projek pembangunan Persekutuan dengan kos di bawah RM50 juta untuk Sabah dengan jumlah peruntukan RP4 RMKe-12 sebanyak RM2.04 bilion :

- (a) mengapakah hanya 186 (19.1%) program/projek yang dilaksanakan oleh agensi pelaksana di bawah Kerajaan Negeri Sabah iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Sabah; dan
- (b) setakat bulan Oktober 2024, berapa peratusan perbelanjaan program/projek yang dilaksanakan oleh agensi pelaksana di bawah Kerajaan Negeri Sabah tersebut.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kaedah penentuan pelaksanaan program/projek oleh agensi pelaksana di bawah Kerajaan Negeri Sabah iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Sabah adalah berdasarkan kepada:

i. **Arahan Perbendaharaan (AP) 182**

AP 182 menetapkan bahawa semua Jabatan Bukan Teknik hendaklah **mendapatkan perkhidmatan** daripada JKR dan JPS sebagai **Jabatan Teknik** bagi melaksanakan semua projek kerja tertakluk kepada peraturan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa; dan

ii. **Garis Panduan Pelaksanaan Perolehan Kerja Projek Pembangunan Persekutuan Yang Dilaksanakan Oleh Jabatan Teknik Negeri Sabah dan Sarawak**

Garis Panduan ini yang berkuat kuasa pada 1 Mac 2023 menetapkan bahawa pelaksanaan projek oleh Jabatan Teknik di negeri Sabah adalah **berdasarkan kepada konsep *First Right of Refusal (FRR)***.

2. Bagi maksud FRR tersebut, senarai projek yang telah diluluskan di bawah setiap Rolling Plan (RP) yang **bernilai sehingga RM50 juta** bagi negeri Sabah dan Sarawak akan **dikemukakan terlebih dahulu** melalui sistem MyProjek **kepada JKR/JPS Sabah** selaku Jabatan Teknik untuk pemilihan pelaksanaan projek. Sekiranya Jabatan Teknik **tidak mengemukakan maklum balas dalam tempoh yang diberikan** di dalam Sistem MyProjek:

iii. kementerian/agensi selaku pemilik projek **boleh** mengemukakan **rayuan semula kepada Jabatan Teknik** dalam tempoh yang ditetapkan untuk bertindak sebagai agensi pelaksana projek;

ATAU

- iv. kementerian/agensi boleh **melaksanakan** projek tersebut dengan **menggunakan perkhidmatan perunding** mengikut tatacara semasa yang sedang berkuat kuasa.
3. **Peratusan perbelanjaan** bagi **program/projek dengan kos di bawah RM50 juta** yang dilaksanakan oleh **agensi pelaksana di bawah Kerajaan Negeri Sabah** adalah seperti berikut:

Bil.	Agensi Pelaksana	Peruntukan RP4 (RM)	Belanja (RM)	Prestasi Belanja
1.	JKR Sabah	331,401,020	86,902,532	26.22%
2.	JPS Sabah	8,700,000	5,979,977	68.74%
Jumlah		340,101,020	92,882,509	27.31%

Sumber data: Maklumat dijana daripada Sistem MyProjek sehingga 18 November 2024

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' WIRA DR. KU ABD RAHMAN BIN
KU ISMAIL
[KUBANG PASU]**

TARIKH : 27 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' WIRA DR. KU ABD RAHMAN BIN KU ISMAIL [KUBANG PASU]
minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**
menyatakan

- a. apakah kemajuan yang telah dicapai dari pelaksanaan 'New Industrial Master Plan 2030' dan 'National Semiconductor Strategy'; dan
- b. apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi menentukan *talent* iaitu jurutera mahir (60,000-300,000 orang) bagi memenuhi keperluan dalam tempoh 5 hingga 10 tahun.

JAWAPAN

Tuan yang di-pertua,

1. Sejak Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri lebih setahun yang lalu, beberapa inisiatif di bawah NIMP 2030 telah menunjukkan kemajuan, antaranya:

- a. Pelancaran Strategi Semikonduktor Nasional (SSN) pada Mei 2024 sebagai usaha untuk menjadikan Malaysia hab reka bentuk IC dan pembuatan wafer di bawah Misi 1 NIMP;
- b. Produk berasaskan kimia dan petrokimia mencatatkan pelaburan sebanyak RM3.1 bilion antara Januari hingga Ogos 2024, berbanding RM1.7 bilion dalam tempoh yang sama pada tahun 2023, menjadikannya subsektor pelaburan keempat terbesar negara;
- c. Program Tech-Up di bawah Misi 2 NIMP dijadualkan untuk dilancarkan pada suku tahun keempat 2024 dengan sokongan Dana Pembangunan Industri NIMP atau NIDF. MITI melalui SIRIM pada masa ini sedang melaksanakan proses pra-penilaian dan memuktamadkan pemilihan syarikat bagi melaksanakan Program Tech-Up seperti dirancang;
- d. Ekosistem AI di Malaysia sedang berkembang dan bersaing dengan negara ASEAN lain, dengan potensi menarik lebih banyak pelaburan. Kerajaan akan terus menyokong pelaburan dalam infrastruktur digital seperti pusat data, selari dengan Kerangka Ekonomi MADANI dan inisiatif KL20 untuk menempatkan Malaysia antara 20 negara terbaik bagi syarikat pemula digital. Untuk tempoh setengah tahun pertama 2024, sejumlah RM40.6 bilion pelaburan digital telah direkodkan;
- e. Satu lagi bidang utama di bawah NIMP adalah merangsang pertumbuhan Kenderaan Elektrik (EV) sebagai sektor pertumbuhan baharu ekonomi. Malaysia kini berada di landasan yang tepat untuk

NO SOALAN : 18

menghasilkan kereta EV nasional pertama oleh PERODUA menjelang Suku Keempat 2025 bagi mencapai objektif yang telah digariskan di bawah Misi 3 NIMP 2030;

- f. Peluncuran Kerangka Dasar Ekonomi Kitaran bagi Sektor Pembuatan pada September 2024 untuk menggalakkan penggunaan sumber yang optimum dan mengurangkan penghasilan sisa industri untuk menjamin proses industri yang mampan; dan
- g. Pembangunan inisiatif Pemerangkapan, Penggunaan, dan Penyimpanan Karbon (CCUS) sebagai sektor pertumbuhan baru juga menunjukkan perkembangan yang positif. Kerajaan melalui Kementerian Ekonomi dijangka akan membentangkan Akta CCUS di Parlimen akhir tahun ini. Sementara itu, MITI pula sedang bekerjasama dengan sektor perindustrian yang sukar dinyahkarbon ke arah membangunkan pelan dekarbonisasi dan melaksanakan projek rintis melalui teknologi CCUS bagi memastikan inisiatif nasional ini berjalan seperti dirancang.

2. Di peringkat makroekonomi, impak pelaksanaan NIMP dapat dilihat seperti berikut:

- a. Nilai tambah (KDNK) bagi sektor pembuatan meningkat sebanyak 4.7% (RM4.2 bilion) pada Suku Kedua 2024 berbanding tempoh yang sama pada tahun 2023;
- b. Jumlah pekerjaan meningkat sebanyak 0.9% (0.2 juta) pada Suku Kedua 2024 berbanding tempoh yang sama pada tahun 2023; dan
- c. Gaji median meningkat sebanyak 8.2% (RM201) pada Suku Pertama 2024 berbanding tempoh yang sama pada tahun 2023.

3. Mengenai Strategi Semikonduktor Nasional pula, Kerajaan optimis terhadap sasaran pelaburan yang telah ditetapkan dalam SSN

mengambil kira prestasi pelaburan semasa sektor semikonduktor negara di mana sepanjang tahun 2023, sektor ini telah menyumbang sebanyak RM69.4 bilion (82 peratus) daripada RM84.5 bilion jumlah pelaburan yang diluluskan bagi projek Elektrikal dan Elektronik (E&E).

4. Bagi setengah tahun pertama 2024, Kerajaan telah berjaya menarik pelaburan bernilai RM 34.6 bilion, di mana RM0.98 bilion adalah daripada pelaburan domestik (DI) manakala RM33.63 bilion pula merupakan pelaburan asing (FI). Di samping itu, sebanyak tiga (3) buah syarikat reka bentuk IC tempatan telah ditubuhkan dalam tempoh tersebut.

5. Sehingga suku ketiga tahun 2024, SSN telah membuka peluang pekerjaan kepada seramai 4,673 individu, dengan pekerja teknikal merangkumi 97% daripada pengambilan tersebut, yang menyumbang kepada peningkatan kumpulan bakat negara.

6. Dalam usaha untuk menarik bakat dalam kerjaya sektor E&E, MITI menerusi *Collaborative Research in Engineering, Science and Technology* (CREST) akan bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dan Kementerian Pendidikan (KPM) untuk melaksanakan program latihan rintis *Technical Skill Learning* (TSL). Melalui pelaksanaan program ini, para pelajar di Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 daripada sekolah-sekolah terpilih akan diberikan latihan pengenalan awal selepas waktu persekolahan. Inisiatif ini juga memberikan peluang kepada pelajar dari luar bandar untuk melanjutkan kerjaya dalam sektor E&E selain membuka peluang dan minat kepada pelajar yang lebih cenderung ke arah kemahiran berbanding pembelajaran akademik. Modul yang akan digunakan untuk Program TSL ini adalah diperakui dan disahkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), di mana pelajar boleh memilih untuk meneruskan latihan di bawah Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) selepas menamatkan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

7. CREST juga sedang di dalam proses untuk membangunkan saluran bakat (*funnel of talents*) bermula dengan menarik minat pelajar sekolah terhadap STEM bersama Kementerian Pendidikan Tinggi (MOHE) dan universiti tempatan. Di samping itu, aspek peningkatan kemahiran (*upskilling*) dan latihan semula (*reskilling*) tenaga kerja sedia ada juga

akan diberi penekanan memandangkan Malaysia mempunyai kumpulan bakat yang besar dalam bidang semikonduktor. Untuk mencapai inisiatif ini, CREST sedang bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) untuk membangunkan program latihan khusus semikonduktor bagi *upskilling* dan *reskilling* terutama dalam bidang R&D dan *front-end* semikonduktor, selaras dengan aspirasi SSN. Program *upskilling* dan *reskilling* ini dijangka akan dilaksanakan pada awal tahun 2025.

8. Selain itu, CREST juga bekerjasama dengan KESUMA/Talent Corp untuk mengenalpasti dan memanfaatkan kepakaran pesara dan rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara bagi menyokong perkembangan industri E&E secara mampan dan meningkatkan kedudukan Malaysia sebagai hab teknologi global.

9. Untuk menunjukkan Kerajaan sentiasa komited untuk memperkukuhkan pembangunan bakat dalam sektor teknologi tinggi, termasuk E&E dan semikonduktor, beberapa inisiatif strategik telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri sewaktu sesi pembentangan Belanjawan 2025. Antara inisiatif tersebut adalah seperti berikut:

- a. pemberian potongan cukai khas kepada universiti swasta dan institut latihan kemahiran yang menawarkan kursus dalam bidang teknologi digital, AI, robotik, IoT, dan teknologi mampan;
- b. Universiti Teknologi Mara (UiTM) akan menerima peruntukan sebanyak RM20 juta khusus untuk melatih jurutera Bumiputera dalam sektor E&E, terutamanya dalam industri semikonduktor, manakala Universiti Sains Malaysia (USM) akan memberi tumpuan kepada AI dalam teknologi semikonduktor dengan kerjasama syarikat gergasi seperti Intel dan Infineon;
- c. HRD Corp akan dipertanggungjawabkan untuk mengurus dana sebanyak RM3 bilion bagi menyediakan 3 juta peluang latihan, dengan fokus kepada bidang berteknologi tinggi seperti AI;
- d. Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) menyediakan pembiayaan sehingga RM500 juta untuk manfaat

NO SOALAN : 18

lebih 20,000 pelatih, termasuk RM100 juta yang dikhususkan untuk bidang keutamaan NIMP seperti penyelenggaraan, pembaikan dan operasi (MRO), kenderaan elektrik (EV), aeroangkasa, dan kecerdasan buatan (AI);

- e. Khazanah telah memperuntukkan sebanyak RM200 juta khusus, melalui Program K-Youth, yang dijangka akan membekalkan seramai 11,000 bakat tempatan bagi memenuhi keperluan sektor utama berteknologi tinggi

10. Dalam hal ini, MITI akan terus memperkukuhkan kerjasama dengan Kementerian serta agensi terlibat seperti KPM, MOHE, KESUMA, TalentCorp dan Majlis Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Negara (MTVET) bagi merealisasikan hasrat yang telah digariskan di bawah NIMP 2030 dan SSN berhubung pembangunan bakat tempatan, terutama dalam sektor E&E dan semikonduktor.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR.
WAN ISMAIL [BANDAR TUN RAZAK]**

TARIKH : 27 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL [BANDAR TUN RAZAK] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik terkini warga emas terbiar atau dipinggirkan keluarga yang dimasukkan ke institusi-institusi JKM dan apakah langkah-langkah untuk melindungi warga emas tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti hidup warga emas. Berdasarkan statistik sehingga September 2024, terdapat 44 orang daripada keseluruhan 1,039 kes warga emas yang dimasukkan ke lapan (8) institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) atas sebab dipinggirkan keluarga / pengabaian. Mereka terdiri daripada 29 orang lelaki dan 15 orang wanita dan ditempatkan di Rumah Seri Kenangan.
2. KPWKM telah melaksanakan pelbagai program sebagai langkah mengekang kes pengabaian, kecuaiian dan penderaan kepada warga emas. Penumpuan diberi kepada program yang melibatkan intergenerasi sebagai usaha bagi mengeratkan hubungan antara generasi dan memartabatkan hak warga emas yang perlu dihormati.
3. Strategi kelima yang terkandung dalam Dasar Warga Emas Negara (DWEN) iaitu Penglibatan dan Kesepaduan Antara Generasi turut memberi penekanan kepada tindakan-tindakan untuk meningkatkan penglibatan warga emas dalam masyarakat pelbagai umur serta mengeratkan hubungan timbal balik antara generasi. Antara program yang dilaksanakan ialah Program Citra Minda Intergenerasi. Program ini merupakan aktiviti tetap yang dilaksanakan di bawah Jawatankuasa Pembangunan Warga Emas Negeri (JPWEN) sejak tahun 2018.
4. KPWKM juga menyediakan perkhidmatan Talian Kasih bagi membolehkan sesiapa sahaja melaporkan berkaitan kes pengabaian, kecuaiian dan penderaan warga emas dengan segera. Talian Kasih merupakan talian integrasi bebas tol yang beroperasi 24 jam, 365 hari setahun dan boleh dihubungi di talian 15999.
5. KPWKM kini sedang meneliti keperluan untuk menggubal satu perundangan bagi menjamin kebajikan dan perlindungan warga emas agar kesejahteraan mereka terjamin.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI
BINTI HAJI SAMSUDIN
[MASJID TANAH]**

TARIKH : 27 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI BINTI HAJI SAMSUDIN [MASJID TANAH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci tahap kesiapsiagaan NADMA pengurusan banjir bagi mempertingkatkan tahap penyelesaian pusat permindahan sementara bagi menjamin kebajikan mangsa bencana banjir apatah lagi musim tengkujuh bakal tiba dan bagaimana penyelarasan dibuat dengan agensi lain berkaitan bagi bantuan kepada mangsa banjir.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI,
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEMAJUAN DESA
DAN WILAYAH**

**Tahap kesiapsiagaan NADMA pengurusan banjir bagi
mempertingkatkan tahap penyelesaian pusat pemindahan sementara**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, secara keseluruhannya di seluruh negara, seramai **82,794 pegawai dan anggota** pelbagai cabang agensi Kerajaan di semua peringkat berada dalam keadaan bersiap siaga sepenuhnya untuk menghadapi bencana banjir dengan sokongan **37,127 unit pelbagai aset** melibatkan:
 - i. 2,031 unit bot penyelamat;
 - ii. 1,399 unit jentera kenderaan 4x4;
 - iii. 1,646 unit jentera kenderaan berat;
 - iv. 31 unit helikopter;
 - v. 30,260 unit jaket keselamatan pelbagai saiz untuk kegunaan mangsa; dan
 - vi. 1,760 unit jambatan panel keluli bermodular.

2. Selain itu, bagi memastikan penyelesaian dan kebajikan mangsa banjir, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah bersedia untuk mengaktifkan **8,481 Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di seluruh negara** yang mempunyai kapasiti untuk **menempatkan 2,158,743 mangsa di seluruh negara.**

Sekolah	: 5,063 Buah
Balairaya / Dewan	: 2,457 Buah
Masjid / Surau	: 572 Buah
Pusat Komuniti	: 389 Buah

3. Di samping itu, Pihak JKM juga telah memaksimumkan **774 Fasiliti Penyimpanan Bantuan Bencana** di seluruh negara mulai bulan September dan Oktober bagi menghadapi Monsun Timur Laut (MTL) 2023/2024 yang terdiri daripada:

Depoh Simpanan Keperluan Bencana	: 8 Buah
Stor Negeri	: 9 Buah
Stor Daerah	: 128 Buah
Mini Depoh / Kontena	: 68 Buah
Pangkalan Hadapan	: 561 Buah

Penyelarasan antara Agensi lain berkaitan bantuan kepada mangsa banjir

Tuan Yang di-Pertua,

4. Bagi memastikan tindakan seberapa segera diambil apabila berlakunya sebarang kejadian bencana termasuk banjir besar, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) pada 3 Oktober 2024 telah mengarahkan supaya JPBD diaktifkan dan peranannya di semua lokasi bencana diperkasakan. Di samping itu, semua JPBN dan JPBD juga diarahkan bersedia lebih awal untuk memastikan bantuan bekalan sampai ke lokasi yang terlibat bagi mengelakkan keadaan lebih sukar sekiranya jalan terputus dan sebagainya.
5. Satu *High Level Committee* (HLC) juga telah dibentuk semenjak MTL 2023/2024 bagi memastikan pengarahannya turun dengan lebih cepat ke lapangan dan memperincikan gerak kerja tindak balas bencana yang lebih terselaras.
6. Sebagai persiapan menghadapi bencana di seluruh negara, NADMA telah menyalurkan peruntukan bantuan bencana berjumlah **RM232 juta** kepada semua negeri bagi tujuan diagihkan kepada Ketua Isi Rumah mangsa bencana yang terjejas dan memenuhi syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan.

7. Bagi kejadian bencana semasa musim MTL termasuk bencana banjir, terdapat dua jenis bantuan bencana yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan melalui peruntukan yang disalurkan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) kepada semua negeri iaitu Bantuan Wang Ihsan dan Bantuan Wang Ihsan Kematian.
8. Bantuan Wang Ihsan merupakan sumbangan sebanyak RM1,000 untuk Ketua Isi Rumah yang terjejas akibat bencana dan berpindah atau berdaftar di PPS. Manakala, Bantuan Wang Ihsan Kematian merupakan sumbangan sebanyak RM10,000 untuk waris kepada mangsa yang meninggal dunia akibat bencana.
9. Sekiranya berlaku banjir besar di luar jangka, NADMA bersedia untuk menyalurkan peruntukan tambahan sekiranya diperlukan mengikut permohonan oleh negeri berdasarkan jumlah sebenar Ketua Isi Rumah yang terjejas akibat bencana.
10. Semua perancangan ini akan diperhalusi dari semasa ke semasa oleh pihak Kerajaan. Selaras dengan matlamat pengurusan bencana adalah tanggungjawab bersama, Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, komuniti, NGO dan pelbagai pihak yang lain hendaklah berganding bahu bagi memastikan pelaksanaannya kelak adalah menyeluruh.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED
ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG]**

TARIKH : 27 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan insentif khas yang diberikan kepada pengusaha pelancongan di kawasan luar bandar yang menyediakan perkhidmatan pelancongan air seperti chalet dan restoran terapung, program sukan air rakyat dan perkhidmatan pelancongan air yang lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) menggalakkan penglibatan pengusaha pelancongan di luar bandar untuk menceburi industri pelancongan melalui insentif pemberian subsidi kadar pembiayaan pinjaman Skim Infrastruktur Pelancongan yang ditadbir oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) dan Tabung Khas Pelancongan di bawah Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia Berhad (SME Bank). Selain itu, pengusaha pelancongan boleh menikmati insentif pengecualian cukai pelaburan daripada MIDA dengan memohon Sijil Pendaftaran Projek Pelancongan daripada MOTAC.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

TARIKH : 27 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TAN SRI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah usaha bersepadu dan langkah konkrit yang dilaksanakan oleh Malaysia melalui PBB, OIC dan NAM bagi terus bersolidariti membela nasib umat Islam di Palestin yang sedang berhadapan dengan kekejaman rejim Zionis Israel.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Marang** atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Malaysia sentiasa konsisten dalam tindakan memperjuangkan hak-hak asasi Palestin di segenap platform pelbagai hala khususnya di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), dan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM).

3. Pada 17 September 2024 yang lalu, Malaysia telah menyokong dan menaja bersama Resolusi ES-10/24 semasa Sesi Tergempar Khas Ke-10 Perhimpunan Agung PBB bertajuk “Pendapat Nasihat Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) mengenai Kesan Perundangan yang Timbul daripada Dasar dan Amalan Israel di Wilayah Pendudukan Palestin, termasuk Baitulmaqdis Timur, serta Ketidaksahan Kehadiran Berterusan Israel di Wilayah Pendudukan Palestin”. Sebanyak 124 Negara Anggota PBB telah menyokong Resolusi tersebut.

4. Resolusi tersebut bertujuan untuk melaksanakan keputusan ICJ bertarikh 19 Julai 2024, yang antara lainnya menekankan tanggungjawab bersama dan obligasi undang-undang semua negara dan Pertubuhan Antarabangsa untuk menamatkan pendudukan haram Israel di Palestin dan menyeru keadilan untuk rakyat Palestin. Malaysia akan bekerjasama dengan Palestin dan Negara-negara Sepemikiran yang lain untuk melaksana Resolusi tersebut.

5. Semasa saya menghadiri Sesi Ke-79 Perhimpunan Agung PBB pada 21 hingga 28 September 2024, pendirian dan sokongan Malaysia yang tidak berbelah bahagi terhadap perjuangan Palestin telah diketengahkan dalam mesyuarat-mesyuarat berikut:

- i. Sesi Debat Umum di Peringkat Ketua-Ketua Negara/Kerajaan dan Menteri Luar Negeri, 28 September 2024;

- ii. Mesyuarat Menteri-Menteri Kumpulan 77 dan China (G77 + China), 27 September 2024;
- iii. Mesyuarat Tergempar Peringkat Menteri Liga Arab dan OIC bagi membincangkan serangan tentera Israel ke atas Palestin dan Lubnan, 27 September 2024;
- iv. Mesyuarat Koordinasi Tahunan OIC Peringkat Menteri, 27 September 2024;
- v. Jawatankuasa Peringkat Menteri NAM Mengenai Palestin, 26 September 2024;
- vi. Mesyuarat Peringkat Menteri mengenai Situasi di Gaza, 26 September 2024
- vii. Mesyuarat Jawatankuasa Enam OIC Mengenai Palestin, 25 September 2024;
- viii. Debat Terbuka Majlis Keselamatan PBB, 25 September 2024; dan
- ix. Mesyuarat Menteri-Menteri NAM, 23 September 2024.

6. Selain itu, saya turut menyatakan pendirian Malaysia mengenai isu Palestin semasa pertemuan dua hala dengan rakan-rakan sejawatan dan ketua Organisasi Antarabangsa seperti berikut:

- i. Perdana Menteri dan Menteri Luar Negeri dan Ekspatriat Palestin, Tuan Yang Terutama Mohammad Mustafa;
- ii. Timbalan Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Tuan Yang Terutama Kurt Campbell;
- iii. Pesuruhjaya Agung Agensi Bantuan dan Kerja untuk Pelarian Palestin di Asia Barat (UNRWA), Encik Philippe Lazzarini;
- iv. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Luar Negeri Emiriah Arab Bersatu (UAE), YM Sheikh Abdullah bin Zayed Al Nahyan;
- v. Setiausaha Agung PBB, Tuan Yang Terutama António Guterres; dan
- vi. Menteri Luar Negeri Republik Arab Mesir, Tuan Yang Terutama Dr. Badr Abdelatty.

7. Di peringkat OIC, usaha bersepadu dan langkah konkrit yang dilaksanakan Malaysia adalah berlandaskan Piagam OIC, Pelan Strategik Program Tindakan OIC (PoA) dan Resolusi-resolusi OIC untuk menamatkan pendudukan haram Israel di Palestin dan mengiktiraf Negara Palestin sebagai sebuah Negara yang merdeka dan berdaulat.

8. Berdasarkan objektif dan strategi yang digariskan, Malaysia sentiasa aktif dalam usaha OIC menggunakan pengaruhnya yang turut meliputi penubuhan gabungan blok yang terdiri daripada Liga Arab, Norway dan Kesatuan Eropah. Gabungan ini telah sebulat suara bersepakat untuk melobi sokongan antarabangsa dalam menangani isu Palestin termasuk pengiktirafan negara Palestin yang berdaulat. Ini juga adalah berdasarkan mandat yang diterima susulan, dengan izin, *Joint Arab-Islamic Extraordinary Summit* pada 11 November 2023.

9. Malaysia akan terus menyuarakan pendirian yang tegas, konsisten dan lantang di platform-platform antarabangsa supaya rakyat Palestin diberikan perlindungan daripada pendudukan haram berpanjangan, dasar aparteid dan pelanggaran hak asasi manusia, termasuk jenayah kemanusiaan, pembunuhan beramai-ramai dan jenayah perang yang dilakukan oleh Israel.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM
[SEPUTEH]
TARIKH : 27 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab Kerajaan menjual tanah lot 54780 di Taman Desa yang telah dizonkan sebagai Kecemasan dan Keselamatan dan balai polis dalam Pelan Tindakan Kuala Lumpur 2040. Nyatakan pembeli lot tanah ini dan tapak balai polis.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lot 54780, Mukim Kuala Lumpur tersebut adalah merupakan tanah Kerajaan yang dikhaskan untuk simpanan balai polis seluas 3,481 meter persegi (0.86 ekar).
2. Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JKTWPKL) pada 12 April 2021 telah meluluskan pemberimilikan Lot 54780 kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan bagi tujuan tapak balai polis.
3. Namun begitu, JKTWPKL pada 29 September 2023 telah menangguhkan kelulusan permohonan pemberimilikan Lot 54780 kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan memandangkan terdapat sebuah bangunan Balai Polis Taman Desa di atas Lot 51762 yang terletak dalam radius 500 meter dari tapak simpanan balai polis (Lot 54780).
4. Seterusnya, JKTWPKL pada 27 Jun 2024 memutuskan untuk menambah keluasan tapak bagi Balai Polis Taman Desa sedia ada (Lot 51762) dengan menggabungkan dengan lot tanah bersebelahan (Lot 51763) menjadikan jumlah keluasan kepada 565.56 meter persegi (0.14 ekar). Kaedah penambahan peluasan tapak Balai Polis Taman Desa melibatkan pembatalan rizab medan selera, P.U(B) 293 bertarikh 10 Ogos 2009 dan seterusnya memberimilik kedua-dua lot tanah tersebut (Lot 51762 dan Lot 51763) kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan untuk tujuan balai polis.
5. Di dalam mesyuarat yang sama juga, JKTWPKL telah meluluskan permohonan pemberimilikan Lot 54780, Mukim Kuala Lumpur, Taman Danau Desa untuk tujuan kediaman bagi maksud pangsapuri seluas 3,481 meter persegi (0.86 ekar) kepada pihak ketiga di bawah seksyen 76 Kanun Tanah Negara.
6. Pemberimilikan yang dilaksanakan ini adalah merupakan salah satu kaedah pelupusan Tanah Kerajaan di bawah Kanun Tanah Negara

NO SOALAN : 23

dan ianya bukan kaedah jual-beli biasa seperti mana kelaziman transaksi tukarmilik tuan punya tanah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY
BIN JUSOH [BESUT]**

TARIKH : 27 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH [BESUT] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk menggubal peruntukan undang-undang dalam Akta Perihal Dagangan 2011 dengan memperketatkan peruntukan berkaitan penjualan barangan atau produk yang menyentuh sensitiviti agama Islam di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) berperanan mengawal selia isu-isu berkaitan halal melalui Akta Perihal Dagangan 2011 dan perundangan subsidiarinya. Peruntukan-peruntukan Akta ini dan perundangan subsidiarinya adalah memadai buat masa ini bagi menangani isu-isu berkaitan halal terutamanya melalui penguatkuasaan Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 dan Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.

Produk yang dikatakan menyentuh sensitiviti agama Islam tidak semestinya melibatkan isu halal di bawah Akta Perihal Dagangan 2011. Penjualan barangan atau produk yang menyentuh apa-apa perkara sensitif juga turut dikuatkuasakan oleh Kementerian Dalam Negeri melalui Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984. Seksyen 7 (1) akta berkenaan menggariskan peruntukan berkaitan hasil penerbitan tidak diingini dengan menetapkan bahawa apa-apa hasil penerbitan yang memudaratkan atau mungkin memudaratkan ketenteraman awam, kemoralan, keselamatan, atau yang mungkin menggemparkan fikiran orang ramai, atau yang berlawanan atau mungkin berlawanan dengan mana-mana undang-undang atau yang selainnya memudaratkan atau mungkin memudaratkan kepentingan awam atau kepentingan negara merupakan suatu kesalahan yang boleh dikenakan Perintah Larangan dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman oleh Mahkamah.

Namun demikian, penguatkuasaan halal juga amat penting bagi memastikan semua aspek yang berkaitan dengan keharmonian dan sensitiviti masyarakat beragama Islam sentiasa dipantau dengan lebih berkesan. Tindakan penguatkuasaan halal yang dilakukan di bawah Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 dan Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 adalah sangat penting dalam melindungi hak pengguna Muslim. Berdasarkan statistik, sepanjang tempoh tahun 2022 hingga Oktober 2024, sebanyak 140 kes telah dihasilkan dengan nilai rampasan sebanyak RM3,598,817.00 yang melibatkan premis pemilikan orang Islam dan bukan Islam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN RIDUAN BIN RUBIN
[TENOM]
TARIKH : 27 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN RIDUAN BIN RUBIN [TENOM] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan Kerajaan bagi mengatasi isu kebocoran maklumat sulit Kerajaan kerana ianya digunakan bagi tujuan politik dengan niat mewujudkan kegentaran awam dan persepsi negatif kepada Kerajaan sedia ada serta mengganggu urusan rasmi Kerajaan.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mengatasi isu kebocoran maklumat Sulit Kerajaan, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) telah/sedang melaksanakan beberapa tindakan seperti berikut:
 - i. Melaksanakan pindaan kepada peruntukan-peruntukan di dalam Akta Rahsia Rasmi 1982 [*Akta 88*] bagi mempertingkatkan elemen penguatkuasaan kebocoran maklumat termasuk dalam persekitaran ICT. Selain itu, pindaan Akta 88 ini membolehkan pendekatan melalui tindakan korektif pada masa ini disesuaikan dengan pendekatan melalui tindakan punitif yang lebih berkesan bagi mengekang sebarang ancaman kebocoran maklumat rasmi (terperingkat) Kerajaan pada masa akan datang;
 - ii. Melaksanakan pindaan peruntukan-peruntukan di dalam Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017) bagi disesuaikan dengan ancaman dan risiko keselamatan termasuk mengenai aspek keselamatan teknologi memuncul (*emerging technology*) seperti *Internet of Things (IOT)*, *Artificial Intelligence (AI)*, Pengkomputeran Awan (*Cloud Computing*) dan sebagainya;
 - iii. Melaksanakan Inspektorat Pematuhan dan Inspektorat Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan terhadap Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan termasuk di peringkat Negeri secara berkala bagi memastikan aspek keselamatan perlindungan khususnya melibatkan pengurusan rahsia rasmi Kerajaan mematuhi peraturan dan garis panduan yang ditetapkan oleh Kerajaan; dan
 - iv. Menerapkan kesedaran keselamatan perlindungan kepada semua pegawai awam khususnya melindungi dokumen dan maklumat rahsia rasmi Kerajaan melalui pelaksanaan kursus, bengkel atau taklimat serta membudayakan keselamatan perlindungan di semua Agensi Kerajaan melalui pelbagai medium seperti pameran dalam majlis-majlis anjuran Agensi Kerajaan, poster-poster digital melalui e-mel secara bulanan dan khidmat konsultasi pada setiap masa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU]**

TARIKH : 27 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN [KOTA BHARU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- (a) bila lantikan Hakim Besar Malaya akan dibuat memandangkan jawatan tersebut telah kosong sejak Februari dan mengapa berlaku kelewatan pengisiannya; dan
- (b) langkah yang diambil untuk menambah baik proses pelantikan hakim di bawah Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman agar dapat memelihara integriti dan kebebasan institusi kehakiman.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Tatacara pemilihan bagi mengisi kekosongan jawatan Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya telah berjalan seperti mana ditetapkan dalam Seksyen 22 dan 24 Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 [*Akta 695*] yang telah membawa kepada pelantikan Datuk Seri Hasnah Mohammed Hashim sebagai Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya.
2. Manakala bagi memelihara integriti dan kebebasan institusi kehakiman, proses pemilihan hakim-hakim dilaksanakan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Bahagian IV Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 [*Akta 695*] dan Perkara 122B Perlembagaan Persekutuan.
3. Penambahbaikan bagi proses ini adalah termasuk:
 - (i) Mengemukakan nama-nama yang dicalonkan untuk proses tapisan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl); dan
 - (ii) Mengadakan sesi temuduga bagi pemilihan Pesuruhjaya Kehakiman.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH
[LEDANG]**

TARIKH : 27 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH [LEDANG] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan secara terperinci berkenaan :

- a) angka dan statistik kes seksual dan penderaan melibatkan golongan kanak-kanak sepanjang tahun 2023 dan 2024 ini; dan
- b) langkah yang dilaksanakan Kementerian dari aspek undang-undang dan penguatkuasaan bagi mengekang fenomena kes seksual dan penderaan melibatkan kanak-kanak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa memandang serius sebarang kes penderaan atau jenayah seksual ke atas kanak-kanak.

2. Berdasarkan statistik kes yang dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), kes penderaan ke atas kanak-kanak dibahagikan kepada tiga (3) kategori iaitu penderaan fizikal, seksual dan emosi. Jumlah kes penderaan melibatkan kanak-kanak bagi tahun 2023 adalah 4,469 kes. Manakala untuk tahun 2024, sehingga bulan Ogos, sebanyak 2,240 kes dicatatkan. Statistik mengikut pecahan kategori penderaan adalah seperti berikut:

Jenis Penderaan / Jantina	2023		Ogos 2024	
	L	P	L	P
Penderaan Fizikal	1,010	827	494	403
Penderaan Seksual	195	2,328	111	1,149
Penderaan Emosi	38	71	26	57
Jumlah	1,243	3,226	631	1,609
Jumlah Besar	4,469		2,240	

3. Sementara itu, bagi kes jenayah seksual melibatkan kanak-kanak pula, ia dibahagikan kepada empat belas kategori iaitu rogol, rogol berkumpulan, sumbang mahram, cabul kehormatan, berkelakuan aib, menghendap, seks luar tabii, pornografi kanak-kanak, berkomunikasi secara seksual dengan kanak-kanak, pengantunan kanak-kanak, berjumpa selepas pengantunan, amang seksual fizikal, amang seksual bukan fizikal dan kesalahan di bawah Seksyen 292 Kanun Keseksaan (Menjual,dbs.,buku-buku,dsb.,yang lucah). Berdasarkan statistik oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), jumlah kes seksual melibatkan kanak-kanak bagi tahun 2023 adalah berjumlah 5,401 kes. Manakala dari Januari hingga April 2024, sebanyak 2,059 kes direkodkan.

4. Bagi menangani perkara ini, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif yang merangkumi aspek pencegahan, perlindungan dan pemulihan yang diterjemahkan melalui pelaksanaan perundangan dan penguatkuasaan. Antaranya termasuklah menerusi Akta Kanak-Kanak 2001, Akta Kesalahan-Kesalahan Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017, Akta Pusat Jagaan 1993, Dasar Kanak-Kanak Negara dan Pelan Tindakan dan Pemerkasaan Jawatan Pegawai Pelindung.

5. Penambahbaikan terhadap Akta Kanak-Kanak 2001 juga telah dibuat melalui pindaannya pada tahun 2016. Antara pindaan yang dimasukkan adalah menaikkan hukuman sedia ada di bawah Seksyen 31 iaitu peningkatan tempoh maksimum pemenjaraan daripada 10 tahun kepada 20 tahun, bayaran denda tidak melebihi RM50,000 serta Perintah Khidmat Masyarakat (*Community Service Order* - CSO) sebagai hukuman mandatori.

6. Di samping itu, KPWKMM menerusi JKM telah melancarkan Program KASIH Kanak-Kanak bermula tahun 2023. Program ini berobjektifkan untuk memberi menyebarkan kesedaran dan advokasi terhadap perlindungan kanak-kanak. Sasaran program ini bukan sahaja kepada kumpulan kanak-kanak, malah turut melibatkan ibu bapa, guru dan komuniti. Di antara pengisian program ini ialah sesi ceramah interaktif mengenai hak kanak-kanak oleh JKM, keselamatan kanak-kanak oleh PDRM, ceramah interaktif buli siber oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) dan ceramah interaktif antigangguan seksual oleh Jabatan Pembangunan Wanita (JPW). Sehingga 5 November 2024, Program KASIH Kanak-Kanak ini telah dilaksanakan di 327 buah sekolah di seluruh negara melibatkan 174,079 peserta.

7. Usaha dalam membendung penderaan dan jenayah seksual terhadap kanak-kanak tidak seharusnya diletakkan ditangan Kerajaan semata-mata. Kerjasama bersepadu dan berterusan daripada semua pihak sama ada individu, komuniti, organisasi sektor swasta mahupun pertubuhan bukan kerajaan diperlukan bagi memastikan kesalahan ini tidak terus membelenggu kanak-kanak di negara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJAH MUMTAZ BINTI MD NAWI
[TUMPAT]**

TARIKH : 27 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' HAJAH MUMTAZ BINTI MD NAWI [TUMPAT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan berhubung usul kaedah pelaksanaan baru Individual Self-Funding yang akan dikendalikan oleh Badan Peguam Malaysia sendiri di bawah seksyen 78A Akta Profesion Undang-Undang 1976 dan sejauh mana kawalan yang dikenakan agar ia berupaya melindungi peguam dan anak guamnya.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Secara amnya, seksyen 78A Akta Profesion Undang-Undang 1976 [**Akta 166**] memperuntukkan kuasa Majlis Peguam, dengan kelulusan Peguam Negara, untuk membuat kaedah-kaedah berkenaan dengan pengambilan tanggung rugi profesional bagi peguam bela dan peguam cara terhadap apa-apa kelas liabiliti profesional, serta mempunyai kuasa untuk antara lain, mengkehendaki peguam bela dan peguam cara mengambil dan menyenggara insurans.
2. Berdasarkan peruntukan seksyen 78A Akta Profesion Undang-Undang 1976 tersebut, sekiranya terdapat cadangan untuk mengadakan peruntukan berhubung dengan *individual self-funding* yang akan dikendalikan oleh Badan Peguam Malaysia sendiri dalam kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 78A Akta Profesion Undang-Undang 1976, cadangan tersebut hendaklah mendapat kelulusan Peguam Negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : TAN SRI DATO' HAJI MAHIADDIN BIN HAJI
MOHD. YASSIN [PAGOH]**
TARIKH : 27 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TAN SRI DATO' HAJI MAHIADDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN [PAGOH]
minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA
HIDUP** menyatakan :

- (a) keberkesanan fungsi NACCOL dalam menangani kos sara hidup yang meruncing termasuk syor pembangunan indikator baharu bagi mengukur tahap kos sara hidup rakyat; dan
- (b) apakah penyelesaian Kementerian dalam meringankan bebanan rakyat di lapangan mengambil kira kos berantai di sebalik penyasaran subsidi bahan api dan kenaikan cukai SST

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sepertimana dimaklumi, isu kos sara hidup mempunyai cabaran yang melibatkan pelbagai dimensi dan memerlukan tindakan oleh semua pemegang taruh. Oleh yang demikian, Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (*National Action Council on Cost of Living*, NACCOL) bertindak sebagai platform utama Kerajaan dalam merangka dasar, strategi dan pelan tindakan berkaitan dengan agenda kos sara hidup yang digerakkan merentasi kementerian dan agensi serta melibatkan wakil kerajaan-kerajaan negeri, badan bukan kerajaan (NGO), industri dan pengguna. Melalui NACCOL, Kerajaan memastikan setiap penggubalan dasar dan program yang dilaksanakan memberikan keutamaan dan pertimbangan terhadap elemen kos sara hidup rakyat.

Antara perkara baharu yang telah diputuskan di bawah NACCOL pada tahun 2024 adalah pelaksanaan Kajian Penstabilan Harga di Sabah, Sarawak dan WP Labuan yang antara lain bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong wujudnya perbezaan harga antara Sabah, Sarawak dan WP Labuan dengan Semenanjung Malaysia. Hasil dan dapatan daripada kajian ini akan dijadikan sebagai asas pertimbangan bagi penambahbaikan inisiatif sedia ada dan juga cadangan inisiatif baharu pada masa akan datang berkaitan penstabilan harga di Sabah, Sarawak dan WP Labuan.

Seterusnya adalah pembangunan Indikator Kos Sara Hidup (KSH) Tahun 2023 yang diterajui oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sebagai satu indikator baharu yang memberikan gambaran tentang amaun perbelanjaan yang diperlukan oleh isi rumah untuk memenuhi keperluan seperti makanan dan minuman, pakaian, perumahan, kesihatan, pengangkutan, pendidikan, komunikasi serta keperluan lain bagi kelangsungan kehidupan wajar dan kemampuan penyertaan dalam masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi membantu rakyat menangani beban kos sara hidup meningkat, beberapa strategi jangka panjang telah dilaksanakan oleh Kerajaan seperti memperkenalkan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA), Dasar Gaji Progresif bagi pemberian upah dan gaji yang adil, melaksanakan Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) serta semakan Perintah Gaji Minimum dari semasa ke semasa.

Selain itu, antara intervensi yang turut dilaksanakan oleh Kerajaan dalam membantu rakyat menangani beban kos sara hidup adalah melalui Program Jualan RAHMAH MADANI (PJRM), Program Jualan Agro Madani, Sumbangan Tunai Rahmah (STR), Sumbangan Asas Rahmah (SARA) serta Bantuan Awal Persekolahan (BAP) dan lain-lain.

KPDN juga terus meningkatkan penguatkuasaan terhadap premis perniagaan agar tidak mengambil peluang menaikkan harga susulan penyasaran semula subsidi diesel dan kenaikan SST. KPDN melaksanakan penguatkuasaan melalui OPS KESAN bagi memantau pergerakan harga barang dan perkhidmatan serta akan mengambil tindakan serta merta sekiranya terdapat peniaga yang didapati menaikkan harga pada kadar yang tidak munasabah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF
[RANTAU PANJANG]**

TARIKH : 27 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah dasar Kerajaan dan inisiatif baru untuk menarik lebih ramai pelabur ke Malaysia khususnya negeri Kelantan bagi menjana ekonomi rakyat dan negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) sentiasa komited dalam mempergiatkan usaha bagi **terus menarik pelaburan**, terutamanya yang berkualiti tinggi agar dapat memberi manfaat kepada negara dan rakyat melalui **limpahan aktiviti ekonomi**, termasuk peluang perniagaan dan pekerjaan bernilai tinggi. Komitmen ini dilaksanakan menerusi **kerjasama** dan **sinergi** erat di antara **Kerajaan Persekutuan** dan **Kerajaan Negeri**, termasuk **Kerajaan Negeri Kelantan**.

2. Di antara dasar dan inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan dalam **menarik pelaburan**, termasuk ke **Kelantan** adalah seperti berikut:

- i. Menyemak semula serta memperkenalkan **dasar atau polisi baharu** sebagai salah satu usaha yang berterusan dalam menarik pelaburan yang **berkualiti tinggi**, di antaranya menerusi **Dasar Pelaburan Baharu** (*New Investment Policy - NIP*) berteraskan Aspirasi Pelaburan Nasional (*National Investment Aspiration - NIA*); **Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030** (*New Industrial Master Plan - NIMP 2030*) yang menggariskan hala tuju strategik berdasarkan misi bagi pembangunan industri secara **holistik dan berdaya maju**; **Strategi Pelaburan Hijau** (*Green Investment Strategy - GIS*) dengan sasaran untuk menarik pelaburan hijau bernilai RM300 bilion menjelang 2030;
- ii. Memberi tumpuan kepada **keterangkuman dan kemampuan** selaras dengan matlamat **Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus** (*Environmental, Social, and Governance - ESG*) dan **Kerangka Ekonomi MADANI** yang mendorong pembangunan keupayaan lestari dan pemindahan teknologi melalui jalinan kerjasama luar dalam sektor berpotensi dan berkepentingan strategik ke arah memacu ekonomi yang berasaskan kesejahteraan terangkum;

- iii. Menawarkan **insentif** berkaitan galakan pelaburan berbentuk **fiskal** dan **bukan fiskal** dalam mempromosikan industri strategik, berimpak tinggi dan pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara yang disasarkan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12);
- iv. Menubuhkan **Pusat Memudahcara Pelaburan Malaysia** (*Invest Malaysia Facilitation Centre* - IMFC) sebagai **pusat sehenti di Ibu Pejabat MIDA**, termasuk menyediakan khidmat nasihat kepada komuniti perniagaan dan para pelabur;
- v. Membangun dan mengukuhkan **ekosistem rantai bekalan tempatan** menerusi penganjuran **Seminar Rantai Bekalan** (*Supply Chain Seminar*), yang dapat menghubungkan syarikat tempatan, syarikat multinasional dan syarikat besar domestik. Usaha ini juga dapat **mewujudkan peluang perniagaan** kepada syarikat tempatan dan dalam masa yang sama, memastikan **pembekalan yang stabil dan berterusan** kepada projek-projek pelaburan syarikat multinasional dan syarikat besar domestik;
- vii. Melaksanakan inisiatif **Platform Koordinasi Pelaburan Domestik** (*Domestic Investment Coordination Platform* - DICP), bagi membantu syarikat-syarikat tempatan, khususnya **Perusahaan Kecil dan Sederhana** (PKS) dari segi bantuan **dana** untuk mengembangkan perniagaan, menerusi kerjasama dengan pengawal selia tempatan dan institusi kewangan seperti **Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan** (*Government Linked Investment Company* - GLIC) serta firma penasihat ekuiti dan korporat;
- ix. Melaksanakan **sesi libat urus dengan pelabur**, termasuk persatuan industri dan dewan perniagaan tempatan, secara **lebih giat** lagi. Sebagai contoh, menerusi **MIDA Invest Series Conference**, **mesyuarat meja bulat**, **lawatan kerja**, **mesyuarat bersama** para pelabur dan **majlis rangkaian** anjuran MIDA, termasuk Pejabat MIDA Negeri.

3. Kerajaan cakna akan **potensi Kelantan** sebagai lokasi pembangunan **sektor ekonomi baharu**. Pelbagai inisiatif telah dan sedang dilaksanakan dengan **fokus** kepada pembangunan **industri bernilai tinggi, perusahaan kecil dan sederhana (PKS)**, serta pengukuhan **infrastruktur** dan **logistik**. Beberapa usaha yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

i. **Pelan Pembangunan Infrastruktur dan Logistik Negeri**

Kerajaan Persekutuan telah merangka **pelan pembangunan komprehensif** untuk meningkatkan **infrastruktur** dan **jaringan logistik** di Kelantan. Di antara projek-projek utama, termasuklah pembinaan **Projek Laluan Rel Pantai Timur (*East Coast Rail Link - ECRL*)**, projek lebuh raya baharu seperti **Lebuh Raya Lingkaran Tengah Utama (LTU)**, serta pembesaran **Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP)** di **Pengkalan Chepa**. Projek-projek ini bertujuan memperkukuh jaringan antara Kelantan dan negeri-negeri lain terutamanya ketersambungan antara pantai timur dan pantai barat, sekaligus membuka peluang pelaburan baharu dan mempercepatkan pembangunan ekonomi negeri. Selain mempercepatkan aliran dan pergerakan logistik barangan dan perkhidmatan antara Kelantan dan pantai barat Semenanjung Malaysia, ianya akan membuka lebih banyak peluang pelaburan dan mempermudah urusan perdagangan serta mobiliti pekerja. Ini seterusnya akan menyumbang kepada pembangunan ekonomi yang lebih pesat di negeri ini.

ii. **Pemberian Insentif**

Pelbagai insentif cukai dan bantuan kewangan turut ditawarkan oleh Kerajaan untuk menarik pelaburan, terutamanya dalam sektor-sektor ekonomi baharu dan industri bernilai tinggi. Insentif ini bertujuan untuk menggalakkan syarikat-syarikat

besar serta PKS untuk membuka dan mengembangkan perniagaan termasuk di negeri Kelantan. Melalui penawaran insentif tersebut, para pelabur dan peniaga dapat mengakses sumber dan sokongan yang diperlukan untuk mempercepatkan proses penubuhan perniagaan dan kilang di Kelantan. Ini akan merangsang sektor ekonomi utama seperti logistik, pembuatan, dan pelancongan, yang dapat mencipta peluang pekerjaan jangka panjang dan meningkatkan taraf hidup masyarakat tempatan.

iii. **Pembangunan Hab Logistik dan Kawasan Perindustrian**

Kerajaan juga memberi tumpuan kepada pembangunan **Hab Logistik** dan **kawasan perindustrian** di sepanjang pantai **Kelantan**, terutamanya di kawasan seperti **Tok Bali** dan **Bachok**. Dengan kedudukan geografi yang strategik berdekatan dengan laluan perkapalan utama Laut China Selatan, serta akses yang semakin baik melalui ECRL dan projek infrastruktur lain, Kelantan berpotensi untuk berkembang menjadi pusat logistik dan pengedaran utama di Pantai Timur Malaysia. Selain itu, kawasan-kawasan perindustrian yang dibangunkan akan turut membantu mempercepatkan pertumbuhan ekonomi dan menarik lebih banyak pelaburan.

iv. **Peningkatan Keupayaan Sumber Manusia**

Kerajaan turut memberi fokus ke atas **pembangunan keupayaan sumber manusia** termasuk di negeri Kelantan, antaranya, menerusi penyediaan **pelbagai program latihan dan pendidikan**. Ini penting untuk memastikan tenaga kerja tempatan dilengkapi dengan kemahiran yang relevan, terutamanya untuk menyokong sektor-sektor ekonomi yang sedang berkembang, seperti pembuatan dan teknologi. Melalui **program latihan kemahiran**, para pekerja tempatan akan lebih bersedia untuk mengisi peluang pekerjaan yang dicipta

oleh **sektor-sektor baharu**, seperti yang dirancang di bawah Projek ECRL dan pembangunan kawasan industri. Peningkatan kemahiran ini juga akan memberi kesan langsung kepada peningkatan produktiviti dan daya saing industri di Kelantan.

4. Pelbagai perancangan pembangunan komprehensif yang telah dirancang oleh Kerajaan dilihat mampu memperkukuh kedudukan negeri Kelantan sebagai destinasi pelaburan terpilih.
5. Kerajaan MADANI menerusi pendekatan *Whole-of-Government*, akan sentiasa komited untuk menarik bukan sahaja pelaburan asing malah memastikan pelaburan domestik turut sama diberi perhatian yang sewajarnya supaya pertumbuhan ekonomi adalah seimbang dan rakyat Malaysia menerima manfaat daripada kesan limpahan ekonomi bagi aktiviti-aktiviti pelaburan yang dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HASSAN BIN SAAD [BALING]

TARIKH : 27 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN HASSAN BIN SAAD [BALING] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan usaha Kementerian dalam memberi sokongan berbentuk latihan dan fasiliti kepada institusi penjagaan warga emas, terutamanya dalam menuju Negara Tua 2030.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bermula tahun 2023, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah menetapkan Industri Penjagaan sebagai salah satu fokus utama Kementerian. Dalam hal ini, hala tuju yang jelas berkaitan dengan pelaksanaan Industri Penjagaan di negara ini sedang dirangka. Dalam usaha melahirkan Penjaga Berkemahiran, penekanan terhadap aspek latihan kepada penjaga diberi perhatian khusus.

2. Walaupun pada masa ini tiada peruntukan undang-undang yang mewajibkan pemilikan sijil profesional tertentu bagi penjaga warga emas, KPWKM menerusi agensinya Institut Sosial Malaysia (ISM) menyediakan latihan dan pensijilan untuk meningkatkan ilmu serta kemahiran kepada penjaga (*caregivers*).

3. ISM yang juga merupakan Pusat Bertauliah, menawarkan pensijilan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 bagi Bidang Operasi Pusat Jagaan Orang Tua. Kursus ini terbuka kepada penjawat awam, pengusaha Pusat Jagaan, Badan Bukan Kerajaan dan juga sukarelawan. Bergerak ke hadapan, ISM merancang untuk menambah bidang SKM ke Tahap 4 iaitu peringkat diploma bagi Pentadbiran Pusat Jagaan Orang Tua bagi melahirkan penjaga atau pengasuh yang berkelayakan lebih tinggi, selaras dengan hasrat KPWKM untuk menjadikan profesion penjaga dan pengasuh sebagai kerjaya profesional, selain memenuhi permintaan yang semakin meningkat.

4. ISM turut menawarkan Kursus Peningkatan Kemahiran Sebagai Penjaga yang bertujuan menyediakan latihan dalam penjagaan asas kepada penjaga (*caregivers*) di institusi kebajikan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), pusat jagaan badan bukan kerajaan (NGO), pusat jagaan swasta, Sukarelawan Khidmat Bantu Di Rumah (KBDR) serta individu yang menjaga ahli keluarga yang mempunyai masalah kesihatan, sama ada warga emas, OKU, kanak-kanak mahupun pesakit

terlantar. Kursus ini bertujuan melengkapkan penjaga dengan pengetahuan serta kemahiran jagaan dengan menggunakan kaedah yang betul dan selamat. Kurikulum kursus ini telah dibangunkan dan diselaraskan dengan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (*National Occupational Skills Standards - NOSS*). Sejak dilaksanakan pada tahun 2018 sehingga tahun 2023, seramai 592 orang penjaga telah mengikuti kursus ini di seluruh negara.

5. Pada masa yang sama, KPWKM berpegang dengan pendirian bahawa penjagaan terbaik kepada warga emas adalah bersama keluarga. Oleh itu, KPWKM sentiasa memberi penekanan kepada prinsip Penjagaan Berasaskan Keluarga dan menerapkan konsep Penuaan Setempat. Dalam hal ini, Kerajaan melalui Dasar Warga Emas Negara berusaha untuk memberi sokongan kepada keluarga dan masyarakat untuk menjaga ibu bapa mereka yang sudah berumur di tempat yang selesa bagi menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup warga emas.

6. KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan bantuan kewangan bulanan seperti Bantuan Warga Emas (BWE) dan Bantuan Penjagaan Pesakit Kronik Terlantar (BPT) kepada yang layak dengan objektif untuk membantu mengekalkan mereka bersama keluarga. Dari 1 Januari hingga 31 Ogos 2024, kerajaan telah menyalurkan RM601 juta kepada lebih 151,000 orang penerima BWE dan RM116 juta kepada hampir 29,000 orang penerima BPT.

7. Sementara itu, bagi warga emas yang tiada waris dan tidak mampu menjaga diri sendiri pula, Rumah Seri Kenangan (RSK) di bawah kendalian JKJ memberikan perkhidmatan psikososial seperti jagaan, perlindungan, kerohanian, bimbingan dan kaunseling, rekreasi, rawatan perubatan, terapi cara kerja, fisioterapi dan perkhidmatan yang bersesuaian demi kesejahteraan mereka.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD NAZRI BIN ABU HASSAN
[MERBOK]**

TARIKH : 27 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN MOHD NAZRI BIN ABU HASSAN [MERBOK] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan status terkini berhubung peruntukan daripada Bajet 2024 sebanyak RM80 juta bagi memulihara dan memelihara tapak warisan di Gua Niah, Sarawak, Lembah Bujang, Kedah dan Royal Belum, Perak untuk mendapatkan pengiktirafan UNESCO.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Jabatan Warisan Negara (JWN) sentiasa berusaha dalam mengangkat khazanah warisan negara ke peringkat antarabangsa termasuklah merancang pencalonan tapak warisan di Malaysia yang berpotensi untuk pengiktirafan Tapak Warisan Dunia UNESCO.

2. Penyaluran Bajet 2024 sebanyak RM80 juta bagi memulihara dan memelihara tapak warisan di Gua Niah, Sarawak, Lembah Bujang, Kedah dan Royal Belum, Perak telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan (MOF). Berikut adalah perincian peruntukan yang diterima:

I. Warisan Arkeologi Gua Taman Negara Niah (RM600,000.00)

II. Lembah Bujang, Kedah (RM 9,200,000.00)

III. Cadangan Pembinaan Menara Pandang di Taman Negeri Royal Belum, Grik (RM 3,000,000.00)

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH SALAMIAH BINTI MOHD NOR
[TEMERLOH]**

TARIKH : 27 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

PUAN HAJAH SALAMIAH BINTI MOHD NOR [TEMERLOH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik jumlah kebangkrapan mengikut kategori umur, faktor-faktor yang menyumbang kepada masalah ini serta bantuan yang disediakan bawah Jabatan Insolvensi Malaysia kepada individu-individu yang diisytiharkan mufliis bermula tahun 2019 sehingga 2023.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
 MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
 (UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl), jumlah kes kebangkrapan mengikut umur yang ditadbir oleh Mdl dari tahun 2019 sehingga tahun 2023 adalah sebanyak 37,461 kes. Kumpulan umur 35 hingga 44 tahun mencatatkan jumlah kebangkrapan yang paling tinggi iaitu sebanyak 14,476 kes dan diikuti oleh kumpulan umur 45 hingga 54 tahun iaitu sebanyak 10,052 kes.
2. Perincian jumlah kes kebangkrapan mengikut kategori umur bagi tahun 2019 sehingga tahun 2023 adalah seperti yang berikut:-

GOLONGAN UMUR	TAHUN					JUMLAH
	2019	2020	2021	2022	2023	
DI BAWAH UMUR 25 TAHUN	54	21	20	11	16	122
25-34 TAHUN	2,603	1,741	1,060	759	711	6,874
35-44 TAHUN	4,574	3,150	2,535	2,237	1,980	14,476
45-54 TAHUN	3,087	2,211	1,802	1,630	1,322	10,052
55 TAHUN DAN KE ATAS	1,707	1,204	1,116	1,024	760	5,811
TIADA MAKLUMAT	26	24	21	34	21	126
JUMLAH	12,051	8,351	6,554	5,695	4,810	37,461

3. Berdasarkan statistik Jabatan Insolvensi Malaysia, pinjaman peribadi mencatatkan jumlah kebangkrapan yang paling tinggi iaitu

sebanyak 18,343 kes dan diikuti oleh pinjaman perniagaan iaitu sebanyak 6,563 kes.

4. Perincian jumlah kes kebangkrapan mengikut faktor-faktor kebangkrapan dari tahun 2019 hingga 2023 adalah seperti berikut:-

FAKTOR-FAKTOR KEBANKRAPAN	TAHUN					JUMLAH
	2019	2020	2021	2022	2023	
PINJAMAN PERIBADI	5,706	4,457	3,267	2,688	2,225	18,343
PINJAMAN PERNIAGAAN	1,846	1,223	1,202	1,241	1,051	6,563
SEWABELI KENDERAAN	1,543	1006	690	441	321	4,001
PINJAMAN PERUMAHAN	1,138	583	459	491	428	3,099
HUTANG KAD KREDIT	880	600	438	207	92	2,217
KEBERHUTANGAN YANG LAIN	425	91	126	187	351	1,180
HUTANG CUKAI PENDAPATAN	261	158	147	153	102	821
PENJAMIN KORPORAT	221	114	118	159	185	797
CARUMAN KWSP	0	105	92	110	49	356
BIASISWA / PINJAMAN PELAJARAN	16	12	15	18	6	67
PENJAMIN SOSIAL	15	2	0	0	0	17
JUMLAH	12,051	8,351	6,554	5,695	4,810	37,461

5. Kerajaan telah mengambil pelbagai inisiatif untuk membantu rakyat yang telah diisytiharkan bankrap. Pada tahun 2020, melalui Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020 [Akta 829], nilai ambang kebangkrapan telah dinaikkan daripada RM50,000 kepada RM100,000, untuk membantu

rakyat yang berhadapan dengan kesukaran kewangan akibat penularan wabak COVID-19. Selanjutnya, penetapan nilai ambang kebangkrupan sebanyak RM100,000 telah dilaksanakan melalui pindaan terhadap seksyen 5 Akta Insolvensi 1967 [*Akta 360*] yang berkuatkuasa pada 1 September 2021. Kesannya, jumlah kes kebangkrupan telah menunjukkan trend penurunan. Sebagai perbandingan, jumlah kes kebangkrupan yang direkodkan pada tahun 2019 adalah sebanyak 12,051 berbanding 4,810 kes pada tahun 2023.

6. Di bawah inisiatif Dasar Peluang Kedua, peruntukan pelepasan bankrap secara automatik telah dipinda melalui Akta Insolvensi (Pindaan) 2023 [*Akta A1695*] bagi membantu bankrap dilepaskan selepas tempoh tiga tahun bankrap menyerahkan pernyataan hal ehwalnya. Akta A1695 yang telah mula berkuat kuasa pada 6 Oktober 2023 juga telah menambah dua kategori baharu yang mana pemiutang tidak boleh membantah ke atas keputusan Ketua Pengarah Insolvensi (KPI) untuk mengeluarkan Sijil Pelepasan KPI. Dua kategori tersebut adalah bankrap yang tidak boleh mengurus diri dan hal ehwalnya akibat penyakit mental mengikut takrifan di bawah Akta Kesihatan Mental 2001 dan individu bankrap berusia 70 tahun atas sebab tidak mampu menyumbang kepada pentadbiran kebangkrupan.

7. Selain itu, di bawah pelaksanaan Dasar Peluang Kedua, budi bicara KPI untuk mengeluarkan sijil pelepasan KPI telah diperluas kepada semua kes yang telah melebihi pentadbiran 5 tahun dan memenuhi kelayakan pelepasan. Hasilnya Dasar Peluang Kedua yang berkuatkuasa pada 1 Mac 2023 telah menyaksikan pelepasan seramai 173,526 setakat Oktober 2024.

8. Akta A1695 juga telah menambah baik tadbir urus kebangkrupan dengan memasukkan peruntukan berkenaan penggunaan teknologi komunikasi jarak jauh bagi pengendalian mesyuarat pemiutang dan penyerahan notis dan dokumen pentadbiran kebangkrupan secara komunikasi elektronik. Selaras dengan itu, bagi memudahkan urusan bankrap, bermula 4 Jun 2024 permohonan bankrap untuk kebenaran KPI ke luar negara juga telah dilaksanakan secara atas talian.

9. Selain pindaan undang-undang, Jabatan Insolvensi Malaysia telah memperkasa penyampaian maklumat berkenaan kebangkrapan melalui sesi temu bual, taklimat, webinar, media sosial dan penganjuran aktiviti reruai dan Klinik Insolvensi. Maklumat yang disampaikan kepada rakyat terutamanya kepada golongan bankrap dapat memberikan nasihat dan panduan untuk mereka mengambil langkah yang perlu untuk keluar daripada kebangkrapan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN
[JERANTUT]**

TARIKH : 27 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

**IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN [JERANTUT] minta
MENTERI LUAR NEGERI menyatakan dasar-dasar bersama Kerajaan
yang akan diperjuangkan oleh Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN 2025.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Jerantut** atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia akan mengambil alih peranan selaku Pengerusi ASEAN secara rasmi mulai 1 Januari 2025 untuk tempoh setahun.

3. Selaras dengan nilai-nilai teras dan aspirasi Malaysia MADANI yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tema Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025 adalah 'Keterangkuman' (*Inclusivity*) dan 'Kemampanan' (*Sustainability*). Tema ini akan mengetengahkan kepimpinan negara dalam menyumbang ke arah pengukuhan Komuniti ASEAN yang lebih inklusif dan mampan. Nilai-nilai ini akan diterapkan Malaysia merentasi kesemua aspek kerjasama ASEAN semasa Kepengerusiannya demi pertumbuhan dan daya tahan rantau ini.

4. Selaku Pengerusi pada tahun 2025, Malaysia akan berusaha untuk mengukuhkan kepusatan ASEAN dan memupuk kepercayaan strategik dan keyakinan bersama melalui dialog berterusan, diplomasi, dan kerjasama baik dengan Negara-negara Anggota ASEAN lain.

5. Selain itu, hubungan ASEAN dengan Rakan Dialog dan Rakan Luarnya akan terus diperkukuhkan demi mengekalkan arkitektur serantau yang lebih terbuka, inklusif, dan berlandaskan peraturan.

6. Dari aspek ekonomi, tumpuan akan ditujukan kepada peningkatan perdagangan dan pelaburan intra-ASEAN dengan memanfaatkan kekuatan ekonomi masing-masing serta transformasi digital. Kerjasama ekonomi dengan rakan kongsi global juga akan ditingkatkan dengan memajukan kerjasama teknologi dan mempromosikan amalan

perdagangan yang mampan seperti inovasi dalam teknologi hijau. Dalam hubungan ini, penganjuran Sidang Kemuncak ASEAN-GCC+China mencerminkan komitmen ASEAN untuk terus bekerjasama dengan komuniti global ke arah ekonomi serantau yang berdaya tahan.

7. Dari aspek sosio-budaya, Malaysia akan mempromosikan sebuah Komuniti yang inklusif, mampan, dan berdaya saing. Ini bertujuan memastikan kemakmuran bersama terutamanya dalam kalangan kumpulan rentan, agar tiada yang tertinggal. Tumpuan juga akan diberikan kepada peningkatan taraf hidup dan pembangunan modal insan, serta usaha untuk mengurangkan kesan perubahan iklim dan kemerosotan alam sekitar.

8. Semasa Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025, ASEAN akan turut melancarkan Visi Komuniti ASEAN 2045 dan Pelan-pelan Strategiknya yang akan melakar hala tuju strategik rantau ini bagi dua puluh (20) tahun akan datang. Sebagai Peneraju Utama, atau dengan izin, *Permanent Shepherd*, visi ini, Malaysia akan memastikan visi ini menyumbang kepada keamanan, kestabilan dan kerjasama berkekalan di rantau ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL KHALIB BIN ABDULLAH
[ROMPIN]**

TARIKH : 27 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' HAJI ABDUL KHALIB BIN ABDULLAH [ROMPIN] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan langkah Kementerian menangani isu pencemaran bau ekoran sisa bahan kimia yang berpotensi membahayakan kesihatan awam dilupuskan di kawasan yang tidak sepatutnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam mengambil perhatian yang serius bagi menangani isu pencemaran bau ekoran sisa bahan kimia yang berpotensi membahayakan kesihatan awam. Sehubungan itu antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) adalah seperti berikut:

- i. Meningkatkan penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya untuk mengawal pelepasan bahan pencemar daripada aktiviti industri agar tidak memberi kesan buruk terhadap alam sekitar;
- ii. Memastikan pengurusan buangan terjadual, efluen, kumbahan dan sebarang pelepasan bahan pencemar udara dilaksanakan dengan baik bagi memastikan pematuhan terhadap had-had pelepasan yang ditetapkan.
- iii. Memantau pengurusan buangan terjadual daripada industri yang tertakluk di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 dengan mengawalselia penggunaan sistem eSWIS (*Electronic Scheduled Waste Information System*) bagi mengesan pergerakan buangan terjadual daripada premis industri yang menghasilkan buangan terjadual kepada kemudahan pengurusan yang dilesenkan oleh JAS;
- iv. Menjalankan pemeriksaan secara berterusan ke atas premis industri, notifikasi pemasangan alat kawalan pencemaran, pelaporan alam sekitar secara atas talian (*Online Environmental Reporting*, OER) dan penguatkuasaan secara *desktop*;
- v. Memastikan pelaksanaan pematuhan sendiri (*Self Regulation*, SR) kepada pihak industri untuk menjalankan pemantauan prestasi setiap hari terhadap kelengkapan alat kawalan

NO SOALAN : 35

pencemaran yang telah dipasang agar ianya berfungsi dengan baik pada setiap masa;

- vi. Meningkatkan kerjasama dan melaksanakan operasi secara bersepadu bersama agensi penguatkuasaan yang lain; dan
- vii. Menganjurkan program promosi dan kesedaran awam kepada masyarakat dan semua pihak berkepentingan mengenai kepentingan memelihara dan memulihara alam sekitar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KALAM BIN SALAN [SABAK BERNAM]

TARIKH : 27 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN KALAM BIN SALAN [SABAK BERNAM] minta PERDANA MENTERI menyatakan :

- (a) apakah status terkini berkaitan rancangan pengasingan kuasa Peguam Negara dengan pendakwa raya; dan
- (b) adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk mempercepatkan rancangan tersebut.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan mengambil serius cadangan reformasi institusi melibatkan pengasingan peranan Pendakwa Raya dan Peguam Negara. Pada 16 Ogos 2023, Jemaah Menteri bersetuju supaya **satu kajian empirikal yang terperinci dan holistik dibuat berkenaan dengan pengasingan peranan Pendakwa Raya dan Peguam Negara**. Bagi tujuan ini, **dua Pasukan Petugas Khas telah ditubuhkan** bagi menjalankan kajian empirikal **secara berfasa** seperti berikut:

- (a) **Sebagai Fasa Pertama**, Pasukan Petugas Khas Kajian Komparatif serta wakil Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi, wakil Blok Pembangkang, Jabatan Peguam Negara (AGC) dan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) menjalankan kajian berdasarkan **keterangan (*evidence-based research*) ke beberapa buah negara** seperti England, Australia dan Kanada; dan
- (b) **Sebagai Fasa Kedua**, Pasukan Petugas Khas Teknikal pula meneliti secara komprehensif **mengenai implikasi perundangan, perjawatan dan kewangan**. Pasukan Petugas Khas Teknikal ini dikendalikan sepenuhnya oleh AGC dan BHEUU. Pasukan Petugas Khas Teknikal menyediakan **Laporan Interim dalam tempoh satu (1) tahun mengenai Kajian Empirikal Komprehensif** Pengasingan Peranan Pendakwa Raya dan Peguam Negara untuk pertimbangan Jemaah Menteri.
- (c) **Sebagai Fasa Tiga**, sesi libat urus bersama-sama dengan **Kerajaan Negeri Sabah & Sarawak serta pihak pemegang taruh lain** termasuk agensi penguatkuasaan seperti Polis Diraja

Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia selain Majlis Peguam Malaysia, *Sabah Law Society, Advocates Association of Sarawak*, Ahli-ahli akademik dan pakar rujuk Perlembagaan Persekutuan akan diadakan oleh Pasukan Petugas Khas Teknikal.

2. Kajian Empirikal ke Kanada yang merangkumi Ottawa dan Toronto telah diadakan dari **6 hingga 9 Mei 2024**, manakala Kajian Empirikal ke Australia yang merangkumi Melbourne dan Canberra telah diadakan pada **3 hingga 6 Jun 2024**. Kajian Empirikal ini disertai antara lain, Pengerusi dan ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan Khas bagi Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi, BHEUU JPM dan Jabatan Peguam Negara (AGC).

3. Semasa Kajian Empirikal, Pasukan Petugas Khas Kajian Komparatif telah memperoleh maklumat dan data yang komprehensif serta menyeluruh termasuk perkara-perkara teknikal dan spesifik serta perkara-perkara generik yang memberi penekanan kepada dengan izin "*big picture*" dalam pelaksanaan pengasingan peranan Peguam Negara dan Pendakwa Raya di negara kita. Negara terakhir yang akan dikaji oleh Pasukan Petugas Khas Komparatif ialah UK yang merupakan penutup kepada Kajian Empirikal. Kajian Empirikal ke UK akan dilaksanakan dalam masa terdekat.

4. Semasa Kajian Empirikal di negara-negara berkenaan Sesi Perbincangan Meja Bulat (*Roundtable Discussion*) telah diadakan secara hybrid (secara fizikal dan atas talian) pada **3 Jun 2024** di Monash University dan pada **6 Mei 2024** di Fakulti Undang-Undang Universiti Ottawa. Perbincangan Meja Bulat tersebut telah dihadiri oleh pakar-pakar akademik perundangan, pengamal perundangan, ahli akademik serta pihak CSO (*Civil Society Organisations*) dan NGO (*Non-Governmental Organisations*) dari Australia, Kanada dan Malaysia.

5. Selain itu, **kajian saintifik berdasarkan perspektif sains kemasyarakatan pandangan umum ke atas pengasingan peranan Peguam Negara dan Pendakwa Raya telah selesai dijalankan bagi**

tempoh enam (6) bulan dengan bekerjasama dengan Universiti Sains Malaysia (USM). Kajian ini telah melibatkan pihak-pihak berkepentingan termasuk masyarakat umum, agensi penguatkuasaan, pakar-pakar berkaitan dan kerajaan negeri. Kajian ini juga telah merangkumi pengumpulan dan analisis data dan maklumat daripada pihak-pihak berkepentingan melalui pelbagai kaedah penyelidikan seperti perbincangan kumpulan fokus (*focus group discussion*).

6. Buat masa ini, BHEUU JPM melalui Pasukan Petugas Khas Teknikal dalam peringkat menyediakan Laporan Interim berdasarkan laporan dapatan Kajian Empirikal daripada Pasukan Petugas Khas Kajian Komparatif. Tempoh penyediaan Laporan Interim oleh Pasukan Petugas Khas Teknikal ialah satu (1) tahun. Laporan Interim tersebut termasuk syor akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan pada tahun 2025.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATO' DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK**
[KUALA NERUS]
TARIKH : **27 NOVEMBER 2024 (RABU)**

SOALAN

DATO' DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK [KUALA NERUS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

- (a) sejauh mana Skim Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang akan dilaksanakan akhir tahun ini memberi manfaat kepada pegawai Kerajaan berstatus kontrak; dan
- (b) keberkesanan program literasi kewangan dalam kalangan penjawat awam susulan trend peningkatan kebangkrapan dalam kalangan individu berstatus penjawat awam.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tawaran opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) hanya diberikan kepada pegawai lantikan tetap yang sedang berkhidmat pada 1 Disember 2024. Pelarasan gaji sebanyak 15% yang diberikan secara berfasa iaitu 8% di Fasa 1 dan 7% di Fasa 2 adalah untuk pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana. Namun begitu, pelarasan gaji ini juga akan turut dinikmati oleh pegawai lantikan kontrak (*Contract of Service*).
2. Pengurusan pegawai lantikan kontrak akan dilaksanakan berdasarkan ketetapan yang dinyatakan dalam Perenggan 190 hingga 192, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024: Pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan.
3. Statistik daripada Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdi) menunjukkan kadar kebangkrapan penjawat awam telah menurun hampir 40% iaitu daripada 1,009 kes pada tahun 2020 ke 621 kes pada tahun 2022. Namun begitu, terdapat sedikit peningkatan kes pada tahun 2024 iaitu sebanyak 666 kes.
4. Kerajaan sentiasa memandang serius masalah mufliis dan keterhutangan dalam kalangan penjawat awam. Ketua Jabatan di setiap kementerian dan jabatan bertanggungjawab untuk memantau dan menilai semula keupayaan pegawai yang mempunyai keterhutangan yang serius, untuk membayar hutangnya dari semasa ke semasa. Dalam hal yang demikian, Peraturan Berkaitan Penyelenggaraan Taraf Kehidupan dan Keterhutangan Kewangan yang Serius, antara lain memperuntukkan bahawa bagi tujuan had potongan gaji, pendapatan bersih pegawai awam hendaklah berada sekurang-kurangnya pada paras minimum 40% daripada emolumen bulanan pegawai, melainkan terdapatnya pinjaman perumahan dan pendidikan.

5. Bagi meningkatkan literasi kewangan di kalangan penjawat awam khususnya bakal pesara, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) telah menyediakan Kursus Literasi Kewangan: Demi Esok dan Masa Depan yang diadakan antara dua (2) hingga tiga (3) siri setahun. Penceramah jemputan terdiri daripada pakar pengurusan kewangan daripada Universiti Putra Malaysia, penceramah daripada Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Polis Diraja Malaysia (PDRM), *CyberSecurity Malaysia* dan juga daripada institusi perbankan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI
[PASIR MAS]
TARIKH : 27 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [PASIR MAS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan skop terperinci mengenai pelaksanaan pembangunan Identiti Digital Nasional atau Digital ID termasuk aspek perlindungan data peribadi serta implikasi kewangan yang terlibat.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, inisiatif pembangunan MyDigital ID dilaksanakan di Malaysia mulai tahun 2016 meliputi skop utama seperti pembangunan teknologi daripada kepakaran tempatan.
2. MIMOS Berhad telah dilantik oleh Kerajaan Malaysia sebagai Agensi Pelaksana bagi Program Pembangunan Identiti Digital Nasional (IDN) yang kini dikenali dengan nama Projek Pembangunan MyDigital ID bermula pada 21 Julai 2023. *Special Purpose Vehicle* (SPV) iaitu My Digital ID Sdn. Bhd. yang merupakan anak syarikat MIMOS Berhad telah ditubuhkan khusus untuk melaksanakan projek MyDigital ID ini.
3. Dari segi peruntukan, Kementerian Kewangan (MOF) telah meluluskan penyaluran awal peruntukan sebanyak RM80 juta pada 12 Disember 2023 kepada MIMOS Berhad. Manakala bagi tahun 2024, penyaluran peruntukan yang telah diluluskan adalah sebanyak RM40 juta.
4. Sebagai makluman, perancangan dan pembangunan MyDigital ID dilaksanakan secara terperinci dan menyeluruh. Skop bagi pembangunan dan pelaksanaan MyDigital ID adalah seperti pembelian perkakasan ICT, pembangunan sistem aplikasi, perisian, rangkaian, serta perkhidmatan bagi keperluan pembangunan dan pelaksanaan projek MyDigital ID termasuk integrasi dengan sistem aplikasi kerajaan dan juga swasta.
5. IDN atau kini dikenali sebagai MyDigital ID diperkenalkan dengan tujuan untuk memastikan perlindungan data peribadi dan keselamatan digital sentiasa terkawal. MyDigital ID dibangunkan dengan tujuan sebagai pengesahan identiti pengguna dalam talian yang selamat. Pengguna hanya perlu memuat turun aplikasi MyDigital ID di telefon mudah alih, daftar sebagai pengguna dan log masuk untuk pelbagai platform digital dengan tahap keselamatan yang tinggi dan terjamin. Sistem MyDigital ID akan melakukan semakan silang dengan pangkalan data utama kerajaan iaitu Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Oleh itu, MyDigital ID tidak menyimpan, mengumpul, memantau mahupun berkongsi data peribadi pengguna kepada pihak ketiga.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. HAJI ABD GHANI BIN AHMAD [JERLUN]

TARIKH : 27 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DR. HAJI ABD GHANI BIN AHMAD [JERLUN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini perbincangan antara Petroleum Sarawak Bhd (PETROS) dengan PETRONAS berkaitan penyeliaan perdagangan minyak dan gas (O&G) di Sarawak.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

PETRONAS masih di dalam proses perundingan dengan Kerajaan Negeri Sarawak dan PETROS. Perbincangan ini telah berpanjangan kerana ia melibatkan pelbagai aspek dan impak yang signifikan daripada pelaksanaan Ordinan Pengagihan Gas (Pindaan) 2023 Sarawak dan undang-undang yang sedia ada. Kesemua pihak sedang berusaha untuk mencari penyelesaian yang memenuhi kepentingan dan keperluan semua pihak yang terlibat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' AZMAN BIN NASRUDIN
[PADANG SERAI]
TARIKH : 27 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' AZMAN BIN NASRUDIN [PADANG SERAI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rancangan terkini untuk meningkatkan bekalan rumah mampu milik bagi golongan B40 dan M40 di Wilayah Persekutuan serta inisiatif untuk memastikan kemampunan projek-projek perumahan tersebut.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) telah mensasarkan pembinaan sebanyak 80,000 unit rumah mampu milik dalam tempoh 10 tahun mulai 2018 hingga 2028 menerusi Program Residensi Wilayah dan Residensi MADANI. Residensi Wilayah memfokuskan kepada warga Wilayah Persekutuan yang berpendapatan sederhana rendah dan ke bawah atau M40. Manakala Residensi MADANI pula memfokuskan kepada golongan sasar iaitu kumpulan rentan (miskin tegar), miskin dan juga mereka yang berpendapatan sederhana rendah dan ke bawah atau B40.
2. Pada ketika ini, sebanyak 62,968 unit Residensi Wilayah merangkumi yang telah siap, sedang dalam pembinaan dan yang telah menerima Perintah Pembangunan (*Development Order – DO*) melibatkan 93 projek secara keseluruhan telah berjaya dicapai bagi ketiga-tiga Wilayah Persekutuan iaitu di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Manakala bagi Residensi MADANI pula sebanyak 5,482 unit melibatkan 10 projek sedang dalam pembinaan dan perancangan melibatkan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Kesemua projek pembangunan Residensi Wilayah dan Residensi MADANI yang sedang dalam pembinaan dijangka akan siap di antara tahun 2025 hingga 2027.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pada ketika ini, pelaksanaan Residensi Wilayah dan Residensi MADANI ini tidak memberi sebarang implikasi kewangan kepada Kerajaan kerana segala kos ditanggung sepenuhnya oleh pemaju perumahan melalui kaedah subsidi silang (*cross-subsidy*) menerusi insentif dan kemudahan yang diberikan kepada mana-mana pemaju perumahan yang berminat untuk membangunkan rumah mampu milik di Wilayah Persekutuan. Antara insentif dan kemudahan yang disediakan adalah seperti berikut:
 - i. Pengecualian kepada caj pembangunan bagi komponen pembangunan rumah mampu milik yang dibangunkan;

- ii. Pengurangan sebanyak 50% Sumbangan Wang Perkhidmatan Kemajuan (ISF) bagi tujuan pembinaan jalan;
 - iii. Peningkatan kepadatan penduduk sehingga 1,000 orang seekar (ose) bagi Residensi Wilayah, manakala 1,400 orang seekar (ose) bagi Residensi MADANI akan dipertimbangkan tertakluk kepada kesesuaian lokasi, kemudahan infrastruktur, lain-lain keperluan serta perancangan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pusat Khidmat Setempat (OSC); dan
 - iv. Pemaju juga layak mendapat laluan khas (*Green Lane*) bagi urusan yang dikemukakan melalui kaunter urusetia OSC.
4. Walau bagaimanapun, menerusi Garis Panduan Perancangan Residensi MADANI Kuala Lumpur telah menetapkan iaitu bagi keluasan tanah melebihi lima (5) ekar, syarikat pemaju perumahan dikehendaki menyediakan sekurang-kurangnya minimum 20% pembangunan Residensi MADANI. Sekiranya pihak pemaju tidak dapat menyediakan komponen Residensi MADANI, pihak pemaju perumahan perlu menyediakan atau membangunkan kemudahan masyarakat (*in-kind*) dengan nilai yang sama kepada bilangan unit Residensi MADANI yang perlu disediakan sebagaimana yang ditetapkan dalam Perintah Pembangunan.
5. Melalui inisiatif tersebut, adalah diharapkan pihak pemaju perumahan dapat sama-sama membantu Kerajaan dalam menyediakan perumahan mampu milik khususnya kepada warga Wilayah Persekutuan di kalangan M40 dan B40.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ZULKIFLI BIN ISMAIL [JASIN]

TARIKH : 27 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN ZULKIFLI BIN ISMAIL [JASIN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian dan tindakan JAKIM dalam menangani golongan LGBTQ di Malaysia.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI
MOKHTAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagai sebuah negara yang berpegang kepada agama Islam sebagai agama Persekutuan yang menerapkan nilai-nilai moral berlandaskan adat, budaya dan agama dalam kalangan masyarakat, Kerajaan berpendirian tegas tidak mengiktiraf golongan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT).

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama agensi lain telah mengambil beberapa inisiatif antaranya adalah seperti berikut:
 - i. **Jawatankuasa Khas Berkenaan Isu Lesbian, Gay, Biseksual dan (LGBT) yang Beragama Islam di Malaysia.** Jawatankuasa ini dianggotai oleh Kementerian, Jabatan, Agensi dan NGO yang akan menyelaraskan isu-isu LGBT yang berbangkit dalam kalangan umat Islam dalam aspek pendidikan dan advokasi, dakwah dan bimbingan serta penguatkuasaan. Ahli jawatankuasa berperanan dan melaksanakan fungsi mengikut bidang kuasa masing-masing.

ii. Pelan Tindakan Sosial Islam (PTSI) 2019-2025

Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama daripada semua agensi dan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri telah membangunkan Pelan Tindakan Sosial Islam (PTSI) bagi menangani gejala sosial dalam kalangan masyarakat terutamanya permasalahan sosial yang dihadapi masyarakat Islam di Malaysia yang semakin meruncing, dengan pelbagai isu seperti penagihan dadah, remaja hamil (tidak berkahwin), pembuangan bayi, perceraian, gelandangan, penularan virus HIV / AIDS, penagihan arak, seks bebas, sumbang mahram, jenayah juvana, pengamalan gaya hidup songsang dan sebagainya. Pelaksanaan PTSI dilihat dapat membantu usaha pencegahan dan pemulihan secara lebih sepadu, terancang dan tersusun.

iii. Penubuhan Pusat Khidmat Sosial

Kerajaan juga telah mewujudkan Pusat Khidmat Keluarga dan Sosial Komuniti (PKKSK) termasuk *KSKCareCentre* yang diletakkan di bawah JAKIM. *KSKCareCentre* merupakan pusat khidmat kaunseling syarie, terapi psikospiritual Islam dan Ilaj Syarie yang terletak di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin yang dibuka kepada semua masyarakat awam dan memberikan perkhidmatan secara percuma.

iv. Pelaksanaan Program Pendidikan dan Advokasi

Kerajaan melalui JAKIM dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) serta agensi juga menganjurkan program pendidikan dan advokasi kepada masyarakat dari masa ke semasa antaranya:

- a. Jerayawara Kesedaran Isu Sosial Peringkat Kebangsaan Tahun 2024
- b. Mahrajan Komuniti Hijrah
- c. Kem Bimbingan Spiritual
- d. Seminar Kesedaran Isu Sosial di Alaf Baru anjuran Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti JAKIM bersama Komuniti Dakwah dan Tarbiah

v. Enakmen Undang-Undang Jenayah Syariah

Kerajaan telah memperuntukkan perundangan dan hukuman bagi kesalahan jenayah sosial seperti perzinaan, sumbang mahram, khalwat, musahaqah, orang lelaki berlagak seperti perempuan dan perempuan berlagak seperti lelaki yang terkandung dalam Akta Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-Negeri.

Sekian, terima kasih.